

TERMA DAN SYARAT AM
PEMBIAYAAN-i BERJANGKA KOMODITI MURABAHAH (CMTF-I) UNTUK KEMUDAHAN PEMBIAYAAN
PENDIDIKAN

Berkuat kuasa [25 November 2025]

Terma dan Syarat Am ini mentadbir Pembiayaan-i Berjangka Komoditi Murabahah (CMTF-i) untuk Kemudahan Pembiayaan Pendidikan ("**Kemudahan**"). Untuk tujuan pemasaran dan komunikasi, Kemudahan ini juga boleh dirujuk sebagai "**Pembiayaan-i Pendidikan RHB**" atau "**Pembiayaan-i Pendidikan**".

Pelanggan (seperti yang ditakrifkan disini) adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat Am ini sebelum menerima Kemudahan ini. Untuk mengelakkan keraguan, Terma dan Syarat Am ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Tawaran (seperti yang ditakrifkan disini). Jika terdapat sebarang konflik atau ketidakselarasan antara mana-mana peruntukan Terma dan Syarat Am ini, dan mana-mana peruntukan Surat Tawaran, peruntukan dalam Surat Tawaran hendaklah diguna pakai.

Terma dan Syarat Am ini ditadbir oleh dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan hendaklah terpakai kepada Pelanggan yang telah diberikan Kemudahan oleh Bank (seperti yang ditakrifkan di sini).

1. TAKRIFAN

Perkataan dan ungkapan berikut mempunyai makna berikut:

"Bank"	bermaksud RHB ISLAMIC BANK BERHAD [No. Pendaftaran: 200501003283 (680329-V)], sebuah institusi kewangan Islam berlesen yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftarnya di Tingkat 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia;
"BNM"	bermaksud Bank Negara Malaysia, sebuah badan korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958 (dimansuhkan 2009);
"Jumlah Pembiayaan"	bermaksud jumlah Kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran;
"Pelanggan"	bermaksud orang yang diberikan Kemudahan oleh Bank berdasarkan Terma dan Syarat Am ini;
"Surat Tawaran"	bermaksud surat tawaran berhubung dengan Kemudahan yang dikeluarkan oleh Bank dan telah diterima oleh Pelanggan dan/atau pemohon bersama, yang merangkumi sebarang pindaan, perubahan, pengubahsuaian, pemakluman atau tambahan terhadapnya; dan
"Tempoh Kelonggaran"	merujuk kepada satu tempoh sehingga empat (4) tahun dari tarikh Surat Tawaran, atau tempoh yang lebih singkat yang sepadan dengan tempoh program pengajian Pelanggan (mana-mana yang terdahulu). Semasa Tempoh Kelonggaran, Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank keuntungan yang perlu dibayar pada setiap bulan dalam cara yang dimaklumkan oleh Bank secara bertulis. Untuk mengelakkan keraguan, Tempoh Kelonggaran hendaklah tidak terpakai kepada golongan profesional yang bekerja dan mempunyai sumber pendapatan sedia ada yang mengikuti program pascasiswazah atau kursus profesional sama ada secara separuh masa atau sepenuh masa.

1A. KEMUDAHAN

- 1.1 Ini adalah Pembiayaan-i Berjangka Komoditi Murabahah (CMTF-i) untuk Kemudahan Pembiayaan Pendidikan yang ditawarkan kepada Pelanggan.

2. TUJUAN

- 2.1. Kemudahan ini adalah untuk digunakan bagi tujuan seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran dan/atau Terma dan Syarat Am ini (mengikut mana yang berkenaan).
- 2.2. Pelanggan bersetuju bahawa Kemudahan tidak boleh digunakan untuk sebarang barangan atau perkhidmatan yang tidak halal.
- 2.3. Sekiranya baki Kemudahan (selepas ditolak potongan yang dibenarkan di bawah Terma dan Syarat Am ini) adalah tidak mencukupi untuk digunakan bagi tujuan Kemudahan tersebut, Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap bayaran bagi perbezaan tersebut menggunakan dana sendiri dan memastikan bahawa bayaran tersebut dibuat terus kepada institusi pendidikan yang berkenaan. Bank tidak akan bertanggungjawab atau terikat untuk membiayai atau membayar sebarang kos, perbelanjaan atau amaun tambahan yang melebihi Jumlah Pembiayaan.

3. KADAR KEUNTUNGAN

- 3.1. Kadar Keuntungan Siling
 - (a) Kadar Keuntungan Siling digunakan untuk mengira jumlah keuntungan Harga Jualan bagi Kemudahan yang merujuk kepada amaun keuntungan maksimum yang perlu dikutip oleh Bank daripada Pelanggan.
 - (b) Kadar Keuntungan Siling ialah 18% setahun.
Harga Jualan* adalah dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling
*Harga Jualan terdiri daripada Harga Belian + Jumlah Amaun Keuntungan
- 3.2. Kadar Keuntungan Efektif
 - (a) Bayaran bulanan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif, tertakluk kepada peruntukan ibra' (rebat) seperti yang dinyatakan dalam Klausa 11 (*Ibra' (Rebat)*) di sini.
- 3.3. Kaedah Pengiraan Keuntungan
 - (a) Kaedah baki berkurangan adalah kaedah pengiraan bahagian keuntungan ke atas baki prinsipal yang mengurangkan pembayaran yang dibuat cth harian.
 - (b) Daripada jumlah pembayaran yang dibuat setiap transaksi, hierarki potongan adalah mengikut urutan berikut;
 - (i) bahagian keuntungan
 - (ii) bahagian prinsipal;
 - (iii) sebarang yuran yang berkaitan (jika ada).

4. PEMBAYARAN BULANAN

- 4.1. Amaun bayaran bulanan Harga Jualan hendaklah terdiri daripada amaun prinsipal dan bahagian keuntungan. Amaun bayaran bulanan Harga Jualan dan tarikh akhir bulanan akan dimaklumkan kepada Pelanggan dengan cara yang akan ditentukan oleh Bank apabila pengeluaran Kemudahan dibuat.
- 4.2. Bayaran bulanan Harga Jualan mungkin berbeza mengikut perubahan KASI ("**Kadar Asas Standard Islamik**") dan kos sampingan yang dikenakan. Pelanggan boleh merujuk ke laman web Kumpulan Perbankan RHB untuk maklumat terkini mengenai KASI. Amaun bayaran bulanan Harga Jualan di atas hanyalah indikatif dan terdiri daripada amaun prinsipal dan margin keuntungan. Amaun sebenar bayaran bulanan Harga Jualan akan dimaklumkan kepada Pelanggan secara bertulis dan dengan cara yang ditentukan oleh Bank semasa pengeluaran Kemudahan dibuat kepada Pelanggan.
- 4.3. Sebarang perubahan kepada bayaran bulanan Harga Jualan dan tempoh pembayaran Harga Jualan disebabkan oleh perubahan dalam Kadar Keuntungan Efektif, akan dimaklumkan melalui notis bertulis oleh Bank kepada Pelanggan untuk tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar dan ia akan berkuat kuasa pada tarikh yang bersamaan pada bulan-bulan berikutnya. Dalam apa-apa keadaan, Harga Jualan mestilah kekal tidak berubah.

- 4.4. Mengikut budi bicara Bank, notis penambahan atau pindaan atau variasi tersebut boleh dilakukan dengan:
- Memaparkan perkara yang sama di premis-premis Bank atau pejabat-pejabat cawangannya atau dengan mengirimkan notis tersebut di atas kepada Pelanggan dengan kiriman mel, atau
 - Dengan menghantar notis yang sama melalui perkhidmatan mesej ringkas ("**SMS**") atau mel elektronik kepada Pelanggan atau dengan memaparkan notis yang sama di laman web Kumpulan Perbankan RHB, atau
 - Dengan surat yang dihantar dengan tangan.
- 4.5. Sekiranya terdapat sebarang kegagalan pembayaran, bayaran ansuran Harga Jualan yang tidak mencukupi atau kekurangan dalam ansuran atas sebab-sebab (termasuk dana yang tidak mencukupi), Pelanggan mesti segera membayar bayaran ansuran atau jumlah kekurangan terus kepada Bank, atas pemakluman oleh Bank.
- 4.6. Sekiranya akaun masih mempunyai baki tertunggak pada akhir tempoh pembiayaan disebabkan oleh pelarasan KASI, Pelanggan dikehendaki untuk membuat penyelesaian sekaligus pada akhir tempoh pembiayaan. Jika Pelanggan tidak dapat membuat penyelesaian penuh Harga Jualan dalam keadaan sedemikian, proses pungutan akan dimulakan ke atas akaun yang terjejas.
- 4.7. Untuk penjelasan:
- Bayaran bulanan akan bermula seperti berikut: -**
 - Jika pengeluaran terakhir Jumlah Pembiayaan oleh Bank kepada institusi pendidikan dibuat dalam tempoh lima belas (15) hari kalendar terakhir dari tarikh tamat tempoh, bayaran bulanan Pelanggan akan bermula pada atau sebelum hari ke-5 pada bulan ke-3 dari bulan pengeluaran dibuat dan pada setiap hari ke-5 setiap bulan berikutnya sehingga penyelesaian penuh.
 - Jika pengeluaran terakhir Jumlah Pembiayaan oleh Bank kepada institusi pendidikan dibuat dalam tempoh lima belas (15) hari kalendar pertama kitaran bil, bayaran bulanan Pelanggan akan bermula pada atau sebelum hari ke-5 bulan ke-2 dari bulan pengeluaran dibuat dan pada setiap hari ke-5 setiap bulan berikutnya sehingga penyelesaian penuh.
 - Pembayaran keuntungan semasa Tempoh Kelonggaran (jika terpakai) akan bermula seperti berikut:**
 - Jika pengeluaran pertama Jumlah Pembiayaan oleh Bank kepada institusi pendidikan dibuat dalam tempoh lima belas (15) hari kalendar terakhir dari tarikh tamat tempoh, Pembayaran Keuntungan Pelanggan akan bermula pada atau sebelum hari ke-5 bulan ke-3 dari bulan pengeluaran dibuat dan pada setiap hari ke-5 setiap bulan berikutnya sehingga penyelesaian penuh.
 - Jika pengeluaran pertama Jumlah Pembiayaan oleh Bank kepada institusi pendidikan dibuat dalam tempoh lima belas (15) hari kalendar pertama kitaran bil, Pembayaran Keuntungan Pelanggan akan bermula pada atau sebelum hari ke-5 bulan ke-2 dari bulan pengeluaran dibuat dan pada setiap hari ke-5 setiap bulan berikutnya sehingga penyelesaian penuh.

5. PENGELUARAN

- 5.1. Kemudahan ini tersedia untuk pengeluaran setelah selesai proses pembiayaan dan pemenuhan Syarat Terdahulu. Pengeluaran Kemudahan ini akan dibuat mengikut terma-terma Kemudahan seperti yang dinyatakan di sini dan/atau dalam Surat Tawaran (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- 5.2. Jika Pelanggan mempunyai bayaran tertunggak atau gagal untuk membuat pembayaran mana-mana amaun keuntungan yang genap masanya dan kena dibayar semasa Tempoh Kelonggaran, tiada pengeluaran lanjut Kemudahan yang akan dibuat sehingga tunggakan tersebut telah sepenuhnya diselesaikan kepada kepuasan Bank.
- 5.3. Jika Pelanggan gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan dalam Surat Tawaran, Syarat Terdahulu dan prinsip-prinsip Syariah, Pelanggan tidak boleh menggunakan Kemudahan dan Bank boleh membatalkan Kemudahan (dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan). Pelanggan mesti membayar balik dan/atau menanggung rugi Bank untuk semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan kelulusan dan/atau pemberian Kemudahan kepada Pelanggan.

- 5.4. Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Bank boleh menggunakan apa-apa amaun dalam akaun Kemudahan milik Pelanggan yang masih belum dikeluarkan, dengan syarat bahawa Bank hendaklah membuat pengeluaran bagi apa-apa amaun yang masih belum digunakan oleh Pelanggan setelah Pelanggan memenuhi terma dan syarat yang berkaitan sebagaimana ditetapkan dalam Surat Tawaran dan/atau Terma dan Syarat Am ini.
- 5.5. Mana-mana bahagian Kemudahan tidak akan dikeluarkan oleh Bank jika, pada bila-bila masa sepanjang tempoh Kemudahan, Pelanggan menghentikan, menarik diri daripada, atau selainnya berhenti daripada mengikuti atau (tertakluk kepada Klausula 5.6 di bawah) menghadiri kursus/program seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran, atau berhenti daripada terus berdaftar di institusi pendidikan sebagaimana dinyatakan dalam Surat Tawaran. Pelanggan hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Bank secara bertulis sekiranya mana-mana perkara tersebut berlaku sepanjang tempoh Kemudahan.
- 5.6. Pengeluaran bagi mana-mana bahagian Kemudahan akan diteruskan sekiranya Pelanggan dikehendaki untuk menghadiri semula (atas apa-apa sebab sekalipun) kursus/program sebagaimana dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sekiranya keperluan untuk menghadiri semula kursus/program tersebut menyebabkan peningkatan yuran yang dikenakan oleh institusi pendidikan, Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar peningkatan yuran tersebut menggunakan dana sendiri dan memastikan bahawa pembayaran tersebut dibuat terus kepada institusi pendidikan berkenaan. Bank tidak akan bertanggungjawab atau berliabiliti untuk membiayai atau membayar apa-apa peningkatan yuran tersebut atau apa-apa kos, perbelanjaan atau amaun tambahan yang melebihi Jumlah Pembiayaan.

6. PEMBATALAN SEBELUM DAN SELEPAS PENGELUARAN

- 6.1. Bank boleh, dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan, membatalkan Kemudahan yang ditawarkan, pada bila-bila masa sebelum atau selepas pengeluaran, jika terdapat sebarang pelanggaran prinsip-prinsip Syariah, peninggalan fakta yang material atau salah nyata mana-mana fakta material, yang boleh menjejaskan kelayakan kredit Pelanggan dan/atau keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan obligasinya.
- 6.2. Jika Pelanggan ingin membatalkan Kemudahan, Pelanggan mesti menyelesaikan semua hutang, termasuk semua yuran, kos, yuran perdagangan (jika berkenaan), sumbangan Takaful (jika berkenaan) dan duti setem, sepenuhnya.
- 6.3. Setelah pembatalan Kemudahan, amaun penuh Harga Jualan dan semua wang tertunggak (tertakluk kepada rebat) di bawah Kemudahan bersama dengan pampasan ke atasnya (jika ada) dan semua wang lain yang berkaitan dengannya akan serta-merta menjadi genap masanya dan kena dibayar oleh Pelanggan.

7. PRAPEMBAYARAN

- 7.1. Dengan syarat semua bayaran yang genap masanya dan kena dibayar di bawah Kemudahan (sama ada prinsipal dan/atau keuntungan) telah dibayar sepenuhnya dan tiada tunggakan, Pelanggan boleh membuat prapembayaran keseluruhan atau sebahagian daripada amaun tertunggak Kemudahan tanpa notis terlebih dahulu kepada Bank, tertakluk kepada setiap prapembayaran separa mestilah dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) atau amaun lain yang boleh diterima oleh Bank, mengikut budi bicaranya. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang prapembayaran tersebut hendaklah tertakluk kepada peruntukan *ibra'* (rebat) seperti yang dinyatakan dalam Klausula 11 (*Ibra'* (Rebat)) di sini.

8. AKAUN

- 8.1. Pelanggan digalakkan untuk membuka akaun deposit dan melaksanakan Arahan Tetap untuk tujuan pembayaran bulanan Harga Jualan. Untuk pembayaran melalui Arahan Tetap:
 - (a) Pelanggan bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan akaun Pelanggan mengikut arahan yang dinyatakan, termasuk sebarang caj (Klausula 12 – *Yuran, Kos dan Perbelanjaan Lain*), berkenaan dengan kekerapan dan kaedah melaksanakan kemasukan atau pembayaran kredit

timbal balik seperti yang diperuntukkan, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan dalam Surat Tawaran.

- (b) Pelanggan secara tidak boleh ditarik balik dan tanpa syarat memberi kuasa kepada Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk mendebitkan akaunnya dengan Bank bagi sebarang bayaran genap masanya dan kena dibayar di bawah atau menurut Kemudahan, termasuk bayaran bagi bayaran bulanan Harga Jualan.
- (c) Pelanggan bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk menolak selesai akaun Arahan Tetap secara manual sekiranya potongan automatik tidak berlaku akibat baki yang tidak mencukupi dalam akaun.

Potongan manual akan digunakan untuk menolak selesai hutang yang terhutang oleh Pelanggan daripada akaun Arahan Tetap.

9. PELANTIKAN EJEN KUTIPAN

- 9.1. Bank boleh (dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan) melantik ejen pilihannya untuk mengutip semua dan apa-apa jumlah yang genap masanya dan kena dibayar kepada Bank daripada Pelanggan di bawah Surat Tawaran.

10. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN

- 10.1. Pelanggan memahami bahawa Kumpulan Perbankan RHB akan menggunakan, mengumpul, merekodkan, menyimpan, berkongsi dan/atau memproses maklumat peribadi Pelanggan, termasuk, tanpa had:
 - (a) maklumat peribadi termasuk butiran, imej dan biometrik Pelanggan (pengukuran dan analisis ciri fizikal atau tingkah laku yang unik (seperti cap jari atau pola suara) terutamanya sebagai cara untuk mengesahkan identiti peribadi);
 - (b) data kewangan, tempat kediaman percukaian;
 - (c) spesimen tandatangan, serta tandatangan digital atau elektronik seperti yang ditakrifkan di bawah undang-undang dan peraturan yang terpakai;
 - (d) kedudukan kewangan, butiran pekerjaan, kelayakan kredit dan/atau kesesuaian untuk mana-mana produk/perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB yang dipohon;
 - (e) maklumat peribadi yang Pelanggan berikan apabila Pelanggan memohon mana-mana produk dan perkhidmatan Bank, termasuk pandangan atau pendapat Pelanggan yang dimaklumkan kepada Kumpulan Perbankan RHB melalui maklum balas atau tinjauan;
 - (f) maklumat mengenai profil risiko, pelaburan, cukai dan insurans/takaful, objektif pelaburan, pengetahuan dan pengalaman dan/atau kepentingan perniagaan dan aset Pelanggan;
 - (g) maklumat yang berkaitan dengan aktiviti, tabiat, keutamaan dan minat Pelanggan yang timbul daripada penggunaan produk dan perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB;
 - (h) data elektronik atau maklumat lain yang berkaitan dengan Pelanggan seperti alamat IP, kuki, log aktiviti, pengecam dalam talian dan data lokasi melalui penggunaan produk dan perkhidmatan kami oleh Pelanggan atau sebagai sebahagian daripada penghantarannya kepada Pelanggan; dan/atau
 - (i) maklumat lain yang berkaitan dengan Pelanggan/permohonan Pelanggan untuk produk dan/atau perkhidmatan yang:
 - (i) Pelanggan telah berikan dalam borang ini atau melalui mana-mana hubungan lain dengan Kumpulan Perbankan RHB (yang hendaklah merangkumi syarikat induk, anak syarikat, dan mana-mana syarikat bersekutu), termasuk mana-mana syarikat hasil daripada sebarang penstrukturan semula, penggabungan, penjualan atau pengambilalihan), atau
 - (ii) telah diperolehi daripada analisis pembayaran Pelanggan dan transaksi/perkhidmatan lain dalam Kumpulan Perbankan RHB, atau
 - (iii) telah diperolehi daripada pihak ketiga seperti majikan, pemohon/pemegang akaun bersama, penjamin, wakil sah, persatuan berkaitan industri/kewangan, pihak berkuasa kerajaan/pengawalseliaan, biro kredit atau agensi pelaporan kredit, peruncit, rangkaian sosial dan agensi pencegahan penipuan atau organisasi lain
 - (iv) telah diperolehi daripada rakaman Televisyen Litar Tertutup (CCTV) yang dipasang di premis Bank termasuk cawangan yang terletak di dalam atau di luar Malaysia
 - (v) telah diperolehi daripada tuntutan insurans/takaful atau dokumen lain; dan/atau
 - (vi) telah dibekalkan dan/atau dikumpulkan apabila Pelanggan melawati laman web Kumpulan

Perbankan RHB dan/atau memuat turun aplikasi peranti mudah alih Kumpulan Perbankan RHB yang mungkin merangkumi alamat IP peranti Pelanggan atau daripada data yang dikumpulkan melalui kuki.

Pelanggan dengan nyata, bersetuju, membenarkan, dan memberi kuasa kepada Kumpulan Perbankan RHB untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan, urusan Pelanggan dan/atau mana-mana akaun, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Kumpulan Perbankan RHB kepada Pelanggan untuk:

1. pihak ketiga seperti pemberi perkhidmatan, peniaga dan rakan kongsi strategik, kakitangan kontrak untuk perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang, vendor termasuk agensi kutipan hutang, penasihat profesional, persatuan berkaitan industri/kewangan, biro kredit atau agensi pelaporan kredit dan agensi pencegahan penipuan, institusi kewangan lain dan mana-mana ejen, pekerja, dan/atau orang, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, jika berkenaan, pada setiap masa tertakluk pada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai bagi Kumpulan Perbankan RHB;
2. entiti dan/atau syarikat lain dalam kumpulan korporat Kumpulan Perbankan RHB
3. mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa berkaitan lain yang mana Kumpulan Perbankan RHB dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Kumpulan Perbankan RHB sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, tuntutan, permintaan atau kehendak pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau potensi litigasi yang melibatkan Kumpulan Perbankan RHB apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
4. mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pemenuhan transaksi atau arahan yang saya / Bank telah minta dan / atau berikan kepada Kumpulan Perbankan RHB;
5. mana-mana penerima pindahan atau penerima serah hak yang dengannya Kumpulan Perbankan RHB sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan novasi hak atau obligasi di bawah atau dengan rujukan kepada akaun; dan/atau
6. bagi mana-mana dan/atau semua tujuan berikut, jika berkenaan:
 - a. memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan produk/kemudahan kewangan dan pelaksanaan kontrak, perkhidmatan yang diberikan atau disediakan oleh Kumpulan Perbankan RHB;
 - b. menyediakan produk dan/atau perkhidmatan ini dan memberitahu Pelanggan tentang perubahan atau perkembangan penting pada ciri;
 - c. mengemaskini dan mengurus ketepatan dan kesempurnaan rekod Kumpulan Perbankan RHB;
 - d. pencegahan, pengesanan atau pendakwaan jenayah, dan mematuhi obligasi undang-undang dan pengawalseliaan;
 - e. penilaian dan analisis termasuk kredit, pinjaman/pembiayaan, risiko insurans/takaful dan/atau tujuan risiko lain, pemarkahan tingkah laku, perlombongan, pemprofilan, analisis data, usaha wajar, analisis pasaran dan produk dan/atau penyelidikan pasaran;
 - f. komunikasi dan memastikan kepuasan pelanggan, yang boleh merangkumi menjalankan tinjauan untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan Bank, menjawab pertanyaan dan aduan dan untuk menyelesaikan pertikaian secara am;
 - g. menentukan amaun keterhutangan Pelanggan dan mendapatkan semula hutang yang Pelanggan berhutang kepada Kumpulan Perbankan RHB;
 - h. mengekalkan sejarah kredit Pelanggan untuk rujukan pada masa ini dan masa hadapan;
 - i. membolehkan penerima serah hak Kumpulan Perbankan RHB yang sebenar atau dicadangkan, atau peserta atau sub-peserta Kumpulan Perbankan RHB untuk menilai transaksi Pelanggan yang bertujuan untuk menjadi subjek penyerahan hak, penyertaan atau sub-penyertaan;
 - j. untuk acara korporat Kumpulan Perbankan RHB (termasuk acara perangkaian, pelancaran produk, dsb) /pertandingan, yang mana gambar/imej Pelanggan boleh ditangkap dan boleh digunakan untuk penerbitan Kumpulan Perbankan RHB;
 - k. melindungi kepentingan Kumpulan Perbankan RHB; Atau
 - l. semua tujuan lain yang bersampingan atau berkaitan dengan mana-mana perkara di atas.

Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa:

1. persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat Pelanggan diperlukan untuk penyediaan / pengendalian akaun, produk dan/atau perkhidmatan atau pelaksanaan kontrak dengan Pelanggan untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang di mana tanpa maklumat tersebut Kumpulan Perbankan RHB tidak akan dapat menawarkan produk/perkhidmatan yang diminta oleh Pelanggan.
2. Jika Pelanggan telah memberikan maklumat peribadi sensitif kepada Kumpulan Perbankan RHB (khususnya, maklumat berkaitan kesihatan fizikal/mental Pelanggan untuk permohonan produk/perkhidmatan insurans/takaful), Pelanggan memberikan persetujuan kepada Kumpulan Perbankan RHB untuk memprosesnya dengan cara yang diperihalkan menurut keperluan data peribadi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan garis panduan yang terpakai, termasuk Garis Panduan BNM yang mungkin dikeluarkan dari semasa ke semasa.
3. Kumpulan Perbankan RHB boleh mengubah suai atau mengemas kini Pendedahan Maklumat Pelanggannya dari semasa ke semasa, yang salinannya boleh didapati di www.rhbgroup.com
4. Pelanggan boleh menggunakan pilihan Pelanggan berkenaan dengan penerimaan bahan pemasaran (termasuk penjualan silang, pemasaran dan promosi) dengan melawat cawangan atau menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB (03-9206 8118).

11. IBRA' (REBAT)

- 11.1. Bank mestilah memberikan ibra' (rebat) ke atas apa-apa amaun yang perlu dibayar oleh Pelanggan berhubung dengan sebarang bayaran yang genap masanya dan kena dibayar di bawah Kemudahan dalam mana-mana situasi berikut:
 - a) penyelesaian awal atau penebusan awal Kemudahan, termasuk prapembayaran;
 - b) penyelesaian Kemudahan disebabkan oleh apa-apa penstrukturan semula pembiayaan yang dimulakan oleh Pelanggan;
 - c) penyelesaian oleh Pelanggan apabila berlaku Peristiwa Kemungkinan;
 - d) penyelesaian oleh Pelanggan kerana penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tamat tempoh Kemudahan dan/atau Tempoh Kelonggaran (mengikut mana yang berkenaan); dan
 - e) jika Kemudahan adalah berdasarkan kadar boleh ubah, bagi perbezaan antara jumlah keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif dan Kadar Keuntungan Siling (jika ada). Ibra' (rebat) akan diberikan jika Kadar Keuntungan Efektif lebih rendah daripada Kadar Keuntungan Siling.
- 11.2. $\text{Ibra' (rebat)} = * \text{Pendapatan yang Belum Diperoleh yang masih Berbaki} - \text{Caj Penyelesaian Awal (jika ada)}$
**Pendapatan yang Belum Diperoleh yang masih Berbaki adalah setara dengan keuntungan yang belum terealisasi pada masa penyelesaian penuh.*
- 11.3. Pengiraan ibra' (rebat) akan dibuat mengikut mana-mana peraturan, dan/atau arahan, yang dikehendaki atau dikenakan ke atas Bank oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.
- 11.4. Ibra' (rebat) hanya akan disifatkan sebagai telah diberikan apabila menerima jumlah penyelesaian seperti yang ditentukan oleh Bank.

12. FI, KOS DAN PERBELANJAAN LAIN

- 12.1. Semua caj, fi guaman dan profesional, duti setem dan cukai semasa dan masa hadapan, yang perlu dibayar berkaitan dengan Kemudahan dan yang perlu dibayar bukan disebabkan oleh perbuatan, peninggalan, keingkaran, kecuaihan dan/atau salah laku di pihak Bank dan/atau mana-mana pekerja, wakil dan ejennya, termasuk caj perkhidmatan, penangguhan atau potongan lain, dan fi peguam Bank atas dasar peguam dan klien, hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pelanggan.
- 12.2. Duti setem yang perlu dibayar berkaitan dengan Kemudahan ini akan ditolak oleh Bank daripada hasil sebelum pengeluaran kepada Pelanggan.

13. PAMPASAN BAGI PEMBAYARAN LEWAT (TA'WIDH)

- 13.1. Bank mempunyai hak (dengan notis bertulis kepada Pelanggan) untuk mengenakan pampasan bagi pembayaran lewat (Ta'widh) seperti berikut:
- (a) bagi kegagalan Pelanggan untuk membayar apa-apa amaun bayaran bulanan di bawah Kemudahan pada tarikh genap masa untuk membuat pembayaran, Pelanggan mestilah membayar caj pampasan kepada Bank ke atas jumlah tertunggak, berdasarkan formula berikut atau mana-mana kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:
$$\text{Caj Pampasan} = \text{Amaun Tertunggak} \times 1\% \text{ (Kadar Pampasan untuk Pembayaran Lewat)} \times \text{(Bilangan Hari Tertunggak/365)}.$$
 - (b) bagi kegagalan Pelanggan untuk membayar apa-apa amaun tertunggak dan kegagalan tersebut berterusan melebihi tempoh Kemudahan, kadar pampasan yang dikenakan ialah Kadar Pasaran Wang Islam Bank Negara Malaysia ke atas jumlah tertunggak atau mana-mana kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia; dan
 - (c) Jumlah pampasan tersebut tidak boleh dikompaunkan.
- 13.2. Pampasan untuk pembayaran lewat pada kadar yang dinyatakan di atas mestilah dibayar oleh Pelanggan sebelum serta selepas sebarang penghakiman atau perintah mahkamah.

14. KEMUNGKIRAN BERSILANG

- 14.1. Jika:
- (a) mana-mana keberhutangan Pelanggan menjadi perlu dibayar; atau
 - (b) mana-mana keberhutangan Pelanggan yang lain boleh diisytiharkan perlu dibayar atau perlu dibayar secara pramatang (kerana Pelanggan gagal membayar keberhutangan Pelanggan yang lain); atau
 - (c) Pelanggan gagal membayar keberhutangan Pelanggan yang lain pada tarikh yang ditetapkan (atau jika menjadi genap masanya dan kena dibayar atas tuntutan, apabila dituntut); atau
 - (d) sekuriti untuk keberhutangan Pelanggan yang lain menjadi boleh dikuatkuasakan

maka ini akan dianggap sebagai Peristiwa Kemungkiran di bawah Kemudahan, dan Bank boleh atas budi bicaranya melaksanakan mana-mana hak dan remediannya di bawah Kemudahan dan/atau Surat Tawaran disebabkan oleh Peristiwa Kemungkiran tersebut.

15. PINDAAN DAN/ATAU TERMA TAMBAHAN

- 15.1. Bank boleh mengubah mana-mana terma dan syarat Kemudahan dan Terma dan Syarat Am ini dengan memberi notis variasi tersebut kepada Pelanggan tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa variasi tersebut, dengan syarat variasi tersebut tertakluk kepada dan mematuhi dan bersesuaian dengan prinsip Syariah.
- 15.2. Notis tersebut akan menyatakan sebab untuk pindaan dan pindaan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut. Pada dan selepas tarikh berkuat kuasa, variasi itu akan dianggap telah dibuat dan akan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada terma dan syarat ini pada masa pelaksanaannya.
- 15.3. Notis pindaan tersebut boleh diberikan melalui:
- (a) memaparkan notis tersebut di premis Bank atau pejabat cawangannya; atau
 - (b) menghantar notis tersebut melalui kiriman mel kepada Pelanggan; atau
 - (c) menghantar notis tersebut melalui SMS atau mel elektronik kepada Pelanggan; atau
 - (d) menyiarkan notis tersebut di laman web atau laman internet Bank.
- 15.4. Notis tersebut dianggap telah diterima oleh atau telah disampaikan kepada Pelanggan:
- (a) dalam kes paparan atau posting notis tersebut di premis Bank atau di laman web atau laman internet Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada tarikh pengeposan tersebut;
 - (b) dalam kes penghantaran notis melalui mel, pada hari kedua (ke-2) selepas penghantaran, melainkan

- (c) terdapat bukti yang bertentangan bahawa notis itu sebenarnya tidak dihantar; atau dalam kes penghantaran melalui SMS atau elektronik mel, pada masa notis tersebut dihantar oleh Bank kepada Pelanggan, melainkan Bank telah menerima mesej ralat penghantaran.

16. LAIN-LAIN

- 16.1. Sekiranya Pelanggan salah nyatakan Bank, atau memberi maklumat yang salah kepada Bank, atau memberi dokumen sokongan yang tidak memuaskan kepada Bank, Bank boleh menarik balik atau membatalkan Kemudahan tersebut (dengan notis bertulis terlebih dahulu) tanpa sebarang liabiliti kepada Pelanggan.
- 16.2. Bank boleh membatalkan Kemudahan (dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan) jika mana-mana perkara berikut berlaku:
- (i) Jika Kemudahan tersebut tidak digunakan untuk tujuan seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran atau untuk sebarang tujuan yang dimaksudkan dan yang diluluskan oleh Bank;
 - (ii) Jika terdapat perubahan signifikan dalam keadaan kewangan Pelanggan atau keadaan lain selepas tarikh Surat Tawaran; dan
 - (iii) Jika Pelanggan telah memberi kepada Bank sebarang maklumat yang tidak tepat, mengelirukan atau salah dalam memohon Kemudahan ini.
- Pelanggan mestilah membayar sebarang kos sampingan yang timbul daripada pembatalan ini. Bank boleh (dengan notis bertulis kepada Pelanggan) mendapatkan semula semua kos tersebut daripada Pelanggan.

17. TRANSAKSI KOMODITI MURABAHAH

- 17.1. **Pembekal Komoditi/Broker**
Seperti yang dipersetujui oleh Bank.
- 17.2. **Komoditi**
Apa-apa komoditi atau aset seperti yang ditentukan oleh Bank yang halal dan mematuhi prinsip Shariah (iaitu komoditi patuh Shariah yang tidak termasuk item *ribawi* yang diklasifikasikan sebagai medium pertukaran seperti mata wang, emas dan perak) atas dasar "sebagaimana keadaanya", tanpa sebarang representasi atau waranti daripada Bank terhadap kualiti, keadaan, kuantiti dan perihalan, dan Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan atau kemerosotan.
Antara komoditi yang digunakan ialah logam Aluminium, Minyak Sawit Mentah (Crude Palm Oil CPO), resin plastik, atau gabungan komoditi sedia ada atau komoditi lain seperti yang dinyatakan dalam sijil dagangan komoditi.
- 17.3. **Fi Pembrokeran (jika terpakai)**
Fi pembrokeran (jika ada) berhubung dengan Transaksi Komoditi di bawah Kemudahan ini, hendaklah dibayar oleh Pelanggan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 17.4. **Terma Agensi**
Agensi adalah tertakluk kepada terma seperti berikut:
- (a) Agensi tidak boleh dibatalkan selagi Kemudahan tersebut masih belum dijelaskan.
 - (b) Semua tindakan Bank sebagai ejen di bawah Agensi akan kekal mengikat Pelanggan dan tidak terjejas oleh sebarang peristiwa yang berlaku yang boleh mendatangkan kesan membatalkan Agensi.
 - (c) Sebagai balasan Bank bertindak sebagai ejen Pelanggan, Pelanggan mestilah menanggung rugi Bank terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti rugi, kos dan perbelanjaan, yang boleh dialami atau ditanggung oleh Bank hasil tindakan sebagai ejen Pelanggan, kecuali jika tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan tersebut adalah disebabkan oleh sebarang kesilapan, pengabaian, salahnyata, ta'addi (salah laku), taqsis (kecuaian) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma tertentu) oleh Bank.
 - (d) Selaras dengan terma di atas, Bank diberi kuasa untuk menjalankan semua transaksi yang diperlukan berkaitan dengan Agensi bagi pihak Pelanggan.
- 17.5. **Kaedah Pembiayaan**
Kemudahan ini diberikan mengikut kontrak Shariah Komoditi Murabahah melalui pengaturan Tawarruq

seperti berikut:

- (a) Setelah menerima Surat Tawaran (atau dalam apa-apa bentuk dan cara lain yang diterima oleh Bank), Pelanggan akan melantik Bank sebagai ejen (wakeel) untuk melaksanakan transaksi komoditi bagi pihak Pelanggan, seperti berikut ("**Agensi**"):
 - (i) sebagai ejen untuk membeli komoditi daripada Bank mengikut Jualan Murabahah* pada harga jualan yang terdiri daripada Jumlah Pembiayaan dan margin keuntungan ("**Harga Jualan**"); dan
 - (ii) sebagai ejen untuk menjual komoditi kepada broker komoditi pada harga belian yang bersamaan dengan Jumlah Pembiayaan ("**Harga Pembelian**").

*"**Jualan Murabahah**" ialah istilah Arab yang merujuk kepada suatu jualan di mana pembeli mengetahui kos dan keuntungan komoditi.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Agensi ini hendaklah ditamatkan setelah kematian, pembubaran atau kehilangan kapasiti undang-undang Pelanggan, dan hendaklah dianggap telah disempurnakan setelah pemenuhan semua obligasi di bawah Kemudahan ini, setelah tamatnya tempoh Kemudahan, atau setelah penamatan Kemudahan, mana-mana yang terdahulu.
- (b) Setelah menerima Surat Tawaran (atau dalam apa-apa bentuk dan cara lain yang diterima oleh Bank), Pelanggan akan meminta Bank untuk membeli komoditi daripada pembekal komoditi ("**Pesanan Pembelian Komoditi**").
- (c) Sebagaimana yang diminta oleh Pelanggan, Bank akan membeli komoditi daripada pembekal komoditi ("**Pembelian oleh Bank**"), di mana Bank mempunyai pemilikan komoditi tersebut setelah penyempurnaan pembelian oleh Bank.
- (d) Setelah selesai Pembelian oleh Bank, Bank akan menjual komoditi kepada Pelanggan (melalui Bank yang bertindak sebagai ejen Pelanggan) pada Harga Jualan yang kena dibayar oleh Pelanggan kepada Bank pada kaedah pembayaran tertunda ("**Pembelian oleh Pelanggan**"). Pembelian oleh Pelanggan hendaklah dibuktikan dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.
- (e) Setelah selesai Pembelian oleh Pelanggan, Bank (bertindak sebagai ejen Pelanggan) akan menjual komoditi kepada broker komoditi pada Harga Pembelian ("**Jualan Pelanggan**"). Bank akan menggunakan hasil pendapatan jualan tersebut untuk tujuan pengeluaran Kemudahan bagi manfaat Pelanggan. Jualan Pelanggan akan disempurnakan oleh Bank (bertindak sebagai ejen Pelanggan) dan broker komoditi mengeluarkan dokumen jualan masing-masing (dalam bentuk dan cara yang diterima oleh Bank) apabila menerima Surat Tawaran dan Terma dan Syarat Am ini.

17.6. Hak dan Obligasi

- (a) Bank boleh:
 - (i) melaksanakan mana-mana obligasi dan tanggungjawabnya melalui kakitangan atau ejennya;
 - (ii) mengelak daripada melakukan apa-apa perkara yang pada pendapatnya akan atau mungkin bertentangan dengan mana-mana undang-undang mana-mana bidang kuasa atau mana-mana arahan daripada mana-mana agensi sesebuah negeri atau sebaliknya boleh menyebabkan ia bertanggungjawab kepada mana-mana orang dan boleh melakukan apa-apa perkara yang pada pendapatnya perlu untuk mematuhi mana-mana undang-undang atau arahan tersebut;
 - (iii) menganggap bahawa tiada Peristiwa Kemungkinan telah berlaku melainkan seorang pegawai Bank, semasa aktif pada akaun Pelanggan, memperoleh pengetahuan sebenar yang bertentangan;
 - (iv) bergantung pada mana-mana komunikasi atau dokumen yang dipercayai olehnya sebagai tulen;
 - (v) bergantung kepada apa-apa perkara fakta yang mungkin dijangka secara munasabah berada dalam pengetahuan Pelanggan pada kenyataan oleh atau bagi pihak Pelanggan;
 - (vi) menganggap bahawa mana-mana orang yang dimaklumkan kepadanya oleh Pelanggan sebagai diberi kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan berkaitan dengan Kemudahan kekal diberi kuasa sehingga ia telah menerima notis bertulis yang bertentangan daripada Pelanggan; dan
 - (vii) bertindak mengikut kesesuaian yang difikirkan sesuai untuk membantu Pelanggan dalam menjual komoditi kepada komoditi broker.
- (b) Pelanggan:
 - (i) bertanggungjawab ke atas kontrak jual beli yang dimasuki oleh Bank sebagai ejennya mengikut terma dan syarat ini, kecuali bagi sebarang tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada perbuatan, peninggalan, keingkaran, kecuaihan dan/atau salah laku di pihak Bank dan/atau mana-mana pekerjanya,

- wakil dan ejen; dan
- (ii) adalah untuk menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan apa sahaja yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh Bank akibat daripada:
- (1) pembelian dan penjualan komoditi yang ditentukan di bawah mana-mana transaksi sebagai Ejen pelanggan; atau
 - (2) pelanggaran oleh Pelanggan terhadap mana-mana obligasinya di bawah Kemudahan,
- kecuali di mana kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan tersebut disebabkan oleh perbuatan, peninggalan, keingkaran, kecuaihan dan/atau salah laku di pihak Bank dan/atau mana-mana pekerja, wakil dan ejennya. Ganti rugi ini akan kekal berkuat kuasa selepas penamatan terma dan syarat ini.

17.7. **Terma Jualan Murabahah**

- (a) Transaksi komoditi seperti yang dirujuk dalam Klausa 17.5 di atas (*Kaedah Pembiayaan*) ("**Transaksi Komoditi**") hendaklah dikawal oleh terma dan syarat dokumen transaksi komoditi seperti yang dirujuk dalam Klausa 17.5 di atas (*Kaedah Pembiayaan*) ("**Dokumen Transaksi Komoditi**").
- (b) Pelanggan akan memperolehi hak milik komoditi seperti yang diterima oleh Bank daripada pembekal komoditi. Bank tidak boleh dianggap memberikan sebarang waranti atau representasi (nyata atau tersirat), sama ada timbul melalui undang-undang, atau melalui statut dan, tanpa mengehadkan Klausa 17.7(b) ini, sebarang waranti atau representasi oleh Bank secara nyatanya dikecualikan setakat tahap sepenuhnya yang dibenarkan oleh undang-undang.
- (c) Setelah melengkapkan Dokumen Transaksi Komoditi dan tertakluk kepada pemenuhan Syarat Terdahulu, hasil pendapatan jualan seperti yang disebut dalam Klausa 17.5(e) di atas akan didepositkan/dikreditkan/dibayar kepada pihak yang boleh diterima oleh Bank untuk faedah Pelanggan mengikut terma dan syarat seperti yang dinyatakan di sini dan Surat Tawaran.
- (d) Jika Pelanggan berhasrat untuk mengambil penghantaran Komoditi (bukannya menjual komoditi kepada broker komoditi seperti yang dirujuk dalam Klausa 17.5(e) di atas), Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Pelanggan mesti menyatakan secara bertulis tentang niat tersebut tidak lewat daripada tiga (3) hari kalendar dari tarikh penerimaan Surat Tawaran, sekiranya gagal, Pelanggan dianggap telah bersetuju dengan kaedah pembiayaan yang dinyatakan di sini dan/atau Surat Tawaran. Pelanggan seterusnya mengakui dan bersetuju bahawa selaras dengan niat secara bertulis untuk mengambil penghantaran komoditi, Bank boleh menyemak semula permintaan tersebut dan menyediakan terma dan syaratnya berkenaan dengan dan/atau yang timbul daripada niat Pelanggan untuk mengambil penghantaran komoditi tersebut, dan terma dan syarat Bank mestilah diterima oleh Pelanggan sebelum Bank membeli komoditi tersebut.

17.8. **Risiko dalam Komoditi**

Semua risiko dalam komoditi diserahkan kepada Pelanggan serta-merta pada masa Pembelian oleh Pelanggan dilaksanakan, iaitu semasa Bank (bertindak sebagai ejen Pelanggan) melaksanakan Penerimaan Pelanggan.

17.9. **Waranti dalam Transaksi Komoditi**

- (a) Pelanggan memperakui bahawa:
 - (i) komoditi dijual atas dasar "sebagaimana keadaannya" dan bebas daripada sekatan;
 - (ii) tidak ada representasi atau waranti daripada Bank mengenai kualiti, keadaan, kuantiti dan perihalan komoditi, dan Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan atau kemerosotan komoditi; dan
 - (iii) Pelanggan mengenepikan apa-apa tuntutan yang mungkin ada terhadap Bank berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami olehnya, atau pegawai, pekerja atau ejennya (yang disebabkan oleh, atau timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat Am ini, Surat Tawaran atau mana-mana Dokumen Transaksi Komoditi), berkaitan dengan atau timbul daripada sebarang Transaksi Komoditi dan/atau pembelian komoditi daripada pembekal komoditi, kecuali jika kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh sebarang kesilapan, peninggalan, salah nyataan, ta'addi (salah laku), taqsis (kecuaihan) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma yang ditetapkan) oleh Bank.
- (b) Pelanggan bersetuju bahawa jika Pelanggan meminta bantuan Bank dalam menjual Komoditi kepada broker komoditi, Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk mengambil semua tindakan yang perlu untuk memudahkan penjualan komoditi kepada broker komoditi, termasuk kuasa untuk

menghantar dan/atau menerima notis berhubung dengan Transaksi Komoditi bagi pihak Pelanggan.

17.10. Had Transaksi Komoditi

Kewajipan Bank untuk menerima Pesanan Pembelian Komoditi dan melaksanakan Transaksi Komoditi adalah tertakluk kepada:

- (a) Bank berpuas hati bahawa tidak ada keadaan yang timbul dan tiada peristiwa yang berlaku, yang membahayakan sekuriti Bank dan/atau yang menjadikan Kemudahan dengan serta-merta kena dibayar, dan bahawa tidak ada Peristiwa Kemungkiran yang telah berlaku dan berterusan;
- (b) representasi dan waranti yang dinyatakan di bawah Kemudahan adalah benar dan betul dalam semua perkara, seolah-olah dibuat pada tarikh Pesanan Pembelian Komoditi diserahkan kepada Bank, dan seolah-olah diulang dengan merujuk kepada keadaan yang wujud ketika itu;
- (c) tidak ada keadaan luar biasa atau perubahan undang-undang atau tindakan kerajaan yang lain yang telah berlaku, yang memberi kesan secara material dan buruk terhadap keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan obligasi Pelanggan di bawah peruntukan Dokumen Transaksi Komoditi;
- (d) ketersediaan komoditi dan dana Bank;
- (e) penerimaan Pesanan Pembelian Komoditi oleh Bank yang telah dilengkapkan dengan sewajarnya; dan
- (f) pengendalian akaun Pelanggan dengan betul dan penggunaan Kemudahan dengan memuaskan.

18. REPRESENTASI DAN WARANTI

18.1. Pelanggan memberi representasi dan waranti kepada Bank bahawa:

- (a) Pelanggan mempunyai hak perundangan, kuasa dan kapasiti penuh untuk menerima Kemudahan dan untuk melaksanakan obligasi Pelanggan menurut terma dalam Surat Tawaran dan Terma dan Syarat Am ini;
- (b) Surat Tawaran dan Terma dan Syarat Am ini merupakan obligasi perundangan, sah dan mengikat yang boleh dikuatkuasakan terhadap Pelanggan, menurut terma masing-masing;
- (c) semua persetujuan, kebenaran dan kelulusan, yang diperlukan atau dinasihatkan untuk diperolehi berhubung dengan penerimaan, penghantaran, pengesahan atau penguatkuasaan Surat Tawaran, Terma dan Syarat Am ini dan penggunaan Kemudahan, telah diperolehi dan berkuat kuasa sepenuhnya;
- (d) penerimaan dan penghantaran Surat Tawaran dan Terma dan Syarat Am ini mahupun pelaksanaan terma Surat Tawaran dan Terma dan Syarat Am ini tidak akan melanggar mana-mana perundangan, peraturan, perintah atau dekri mana-mana pihak berkuasa kerajaan, agensi atau mahkamah;
- (e) Pelanggan tidak ingkar di bawah mana-mana perjanjian yang Pelanggan adalah pihak, atau yang mana Pelanggan mungkin terikat, dan tidak ada litigasi, timbang tara atau prosiding pentadbiran yang berterusan atau belum selesai terhadap Pelanggan;
- (f) semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank berkaitan dengan Kemudahan adalah benar dan betul, dan tidak ada peninggalan yang akan menyebabkan maklumat itu tidak tepat atau mengelirukan;
- (g) tiada prosiding kebangkrutan yang sedang menunggu atau diancam terhadap Pelanggan; dan
- (h) Pelanggan tidak akan menggunakan Kemudahan ini untuk sebarang barangan atau perkhidmatan yang tidak halal.

19. AKU JANJI AFIRMATIF

19.1. Semasa tempoh Kemudahan, Pelanggan akan:

- (a) membayar tepat pada waktu, melepaskan atau melunaskan, pada atau sebelum tarikh matang atau sebelum menjadi tertunggak, mengikut mana-mana yang berkenaan, bayaran ansuran Harga Jualan dan semua keberhutangnya dan obligasi lain;
- (b) melaksanakan dan menjalankan apa-apa dan semua obligasinya di bawah Kemudahan ini secara serentak;
- (c) mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa tiada kesan buruk yang material terhadap kedudukan kewangan Pelanggan;
- (d) memberi kepada Bank, semua maklumat yang diperlukan secara munasabah oleh Bank berhubung dengan Pelanggan; dan
- (e) memaklumkan kepada Bank mengenai Peristiwa Kemungkiran, atau sebarang kemungkiran yang berkaitan dengan keberhutangan Pelanggan yang lain.

20. PERISTIWA KEMUNGKIRAN

- 20.1. Jumlah penuh Harga Jualan dan semua wang tertunggak di bawah Kemudahan berserta dengan pampasan untuk pembayaran lewat (jika ada) mestilah dibayar oleh Pelanggan, apabila dituntut oleh Bank atau apabila berlakunya mana-mana peristiwa berikut:
- (a) Pelanggan mungkir dalam membuat pembayaran wang yang kena dibayar kepada Bank selepas wang tersebut menjadi genap masanya dan kena dibayar kepada Bank (sama ada dituntut secara rasmi atau tidak); atau
 - (b) Pelanggan gagal mematuhi atau melaksanakan mana-mana peruntukan Surat Tawaran dan Terma dan Syarat Am ini; atau
 - (c) Mana-mana keberhutangan Pelanggan atau keberhutangan mana-mana penjamin Pelanggan (jika ada) 1) menjadi kena dibayar atau kena dibayar secara pramatang, atau menjadi boleh diisytiharkan perlu dibayar atau perlu dibayar secara pramatang, disebabkan oleh kemungkiran Pelanggan atau penjamin Pelanggan (jika ada) dalam obligasinya berkenaan dengan keberhutangan tersebut; 2) Pelanggan atau penjamin Pelanggan (jika ada) mungkir membuat pembayaran berkenaan dengan keberhutangan itu pada tarikh genap masa bagi pembayaran tersebut, atau jika perlu dibayar atas tuntutan apabila dituntut dan 3) sekuriti untuk sebarang keberhutangan tersebut menjadi boleh dikuatkuasakan; atau
 - (d) Jika prosiding undang-undang, saman atau apa-apa jenis tindakan (sivil atau jenayah) dimulakan terhadap Pelanggan dan penjamin Pelanggan (jika ada) yang pada pendapat Bank akan menjejaskan keupayaan Pelanggan atau keupayaan penjamin secara material untuk melaksanakan dan mematuhi obligasi Pelanggan di bawah Kemudahan; atau
 - (e) Pelanggan dan mana-mana penjamin Pelanggan (jika ada) melakukan apa-apa tindakan kebangkrutan atau menjadi bankrap atau memasuki apa-apa komposisi atau pengaturan untuk kepentingan pemiutang dan langkah, tindakan atau petisyen tersebut kekal tidak diselesaikan untuk tempoh empat belas (14) hari kalendar; atau
 - (f) Pelanggan atau mana-mana penjamin Pelanggan (jika ada) menjadi tidak siuman atau mati; atau
 - (g) Jika Bank beranggapan bahawa Kemudahan atau mana-mana sekuritinya atau kedudukan sekuritinya berada dalam bahaya; atau
 - (h) Jika pada pendapat Bank, terdapat sebarang perubahan atau kemungkinan perubahan dalam keadaan yang akan menjejaskan keadaan kewangan Pelanggan secara material dan buruk atau keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan obligasi Pelanggan di bawah Kemudahan; atau
 - (i) Jika pada pendapat Bank akaun Pelanggan dengan Bank telah dijalankan dengan tidak memuaskan;

Bagi tujuan Klausa ini, "**Peristiwa Kemungkiran**" hendaklah bermaksud salah satu peristiwa-peristiwa yang dinyatakan dalam Klausa 20.1(a) hingga Klausa 20.1(i) di atas.

- 20.2. Bank boleh mengatur di bawah inisiatif kutipan dan pemulihan untuk melawat Pelanggan di tempat kerja Pelanggan semasa kutipan hutang tertunggak atau genap masanya dan kena dibayar apabila Pelanggan tidak dapat dihubungi sama ada melalui telefon, pertemuan bersemuka atau melalui kaedah komunikasi lain dan tidak bertindak balas terhadap tindakan pemulihan.

21. HAK BANK UNTUK MEMULAKAN PROSIDING UNDANG-UNDANG SECARA SERENTAK

- 21.1. Jika Pelanggan gagal memenuhi mana-mana terma atau syarat dalam Surat Tawaran dan Terma dan Syarat Am ini, Bank boleh melaksanakan semua atau mana-mana remedi yang ada sama ada melalui Surat Tawaran, melalui Terma dan Syarat Am ini, melalui statut atau di bawah undang-undang. Bank boleh menjalankan remedi tersebut secara serentak, termasuk melalui saman sivil untuk mendapatkan semula semua wang yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank.

22. FI PEGUAM/ PERUNDANGAN DAN KOS SAMPINGAN

- 22.1. Pelanggan mestiah membayar semua yuran guaman dan perbelanjaan sampingan dan juga semua yuran profesional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan), perbelanjaan luar poket, dan sebarang yuran dan perbelanjaan lain berkenaan dengan Kemudahan. Pelanggan juga mesti membayar yuran peguam cara Bank (berdasarkan peguam dan pelanggan) dan sebarang yuran dan perbelanjaan lain yang ditanggung berkenaan dengan sebarang pemulihan atau sebarang kutipan wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan oleh peguam Bank.

23. PENEPIAN DAN KELONGGARAN

- 23.1. Terma dan syarat seperti yang dinyatakan di sini dan dalam Surat Tawaran boleh diketepikan secara sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Bank, dengan atau tanpa syarat, dan tanpa menjejaskan hak Bank di bawah dokumen ini dan di bawah Surat Tawaran.

24. KEMUDAHAN KREDIT KEPADA PIHAK YANG BERKAITAN

- 24.1. Kelulusan Kemudahan adalah tertakluk kepada pematuhan penuh Bank terhadap mana-mana undang-undang yang terpakai termasuk peruntukan Seksyen 57 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) (berkaitan dengan kuasa BNM untuk menetapkan standard mengenai hal ehwal prudential) yang dibaca bersama dengan Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan untuk Bank Islam dan/atau sebarang keperluan semasa yang dikeluarkan oleh BNM. Pelanggan mengisytihar bahawa Pelanggan tidak mempunyai pertalian dengan/ penjamin kepada /dalam kawalan /dikawal oleh pihak yang berkaitan. Tiada pihak yang berkaitan adalah pengarah, rakan kongsi, pegawai eksekutif, ejen atau penjamin dalam firma/perkongsian/syarikat/entiti yang sah dan/atau anak syarikat/entiti yang dikawal oleh Pelanggan. Pelanggan mestilah mengisytiharkan kepada Kumpulan Perbankan RHB jika sebarang hubungan pihak yang berkaitan timbul semasa tempoh Kemudahan. Jika Bank kemudiannya mendapati sebarang hubungan pihak berkaitan yang tidak didedahkan, Bank boleh (dengan notis bertulis kepada Pelanggan) menamatkan dan menarik balik Kemudahan dengan serta merta.
- 24.2. Dalam Klausula 24 ini (*Kemudahan Kredit kepada Pihak yang Berkaitan*), "pihak yang berkaitan" bermaksud mana-mana pengarah, pemegang saham yang mengawal, pegawai Kumpulan Perbankan RHB, ahli Jawatankuasa Syariah Bank dan saudara terdekat mereka (pasangan dan tanggungan pasangan, anak (termasuk anak tiri/anak angkat) dan pasangan anak, ibu bapa dan adik beradik dan pasangan mereka).

25. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (AKTA 613) ("AMLA")

- 25.1. Pelanggan dengan ini mewakili, menjamin dan mengaku janji dengan Bank bahawa, Pelanggan:
- (a) tidak terlibat, dan tidak akan pada bila-bila masa melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang atau peralatan kesalahan;
 - (b) tidak memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan, dan hendaklah tidak pada bila-bila masa memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindah, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan, hasil daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang atau peralatan kesalahan;
 - (c) tidak mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, dan tidak boleh pada bila-bila masa mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, hasil daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang atau peralatan kesalahan; dan
 - (d) tidak menyembunyikan, menyamar atau menghalang, dan hendaklah tidak pada bila-bila masa menyembunyikan, menyamar atau menghalang, penubuhan sifat sebenar, asal-usul, lokasi, pergerakan, pelupusan, hak milik, hak berkenaan dengan, atau pemilikan, hasil daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang atau peralatan kesalahan;
 - (e) akan pada setiap masa mematuhi Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 25.3 (a) di bawah);
 - (f) akan bertanggungjawab sepenuhnya jika didapati telah melanggar Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 25.3 (a) di bawah) yang menyebabkan kesan undang-undang kepada Bank disebabkan oleh tindakan Pelanggan; dan
 - (g) memahami bahawa sebarang pelanggaran yang disebabkan oleh AMLA dan keperluan sekatan tidak boleh dirundingkan.
- 25.2. Bagi tujuan Klausula ini, berikut adalah takrifannya:
- "peralatan kesalahan"** bermaksud:
- (a) apa-apa yang digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau

- (b) apa-apa harta yang keseluruhannya atau sebahagiannya digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti yang menyalahi undang-undang, sama ada benda harta itu terletak di dalam atau di luar Malaysia.

"hasil daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang" bermaksud apa-apa harta, atau kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta tersebut, di dalam atau di luar Malaysia:

- (a) yang keseluruhannya atau sebahagiannya:
 - (i) diperolehi atau didapati, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang daripada sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - (ii) diperolehi atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i); atau
 - (iii) diperolehi dengan menggunakan harta yang diperolehi atau didapati oleh mana-mana orang melalui pelupusan atau urusan lain yang disebut dalam subperenggan (i) atau (ii); atau
- (b) yang, keseluruhannya atau sebahagiannya, disebabkan oleh apa-apa keadaan seperti sifat, nilai, lokasi atau tempat penemuannya, atau masa, cara atau tempat pemerolehannya, atau orang yang daripadanya harta itu diperolehi, atau perkaitannya dengan harta lain yang dirujuk dalam subperenggan (a)(i), (ii) atau (iii), boleh dengan semunasabahnya dipercayai sebagai harta yang termasuk dalam skop subperenggan (a)(i), (ii) atau (iii);

"Harta" bermaksud:

- (a) aset setiap jenis, sama ada yang zahir atau tidak zahir, yang alih atau tidak alih, yang ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperolehi; atau
- (b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam apa jua bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang membuktikan hak milik, atau kepentingan dalam, aset tersebut, termasuk mata wang, kredit bank, deposit dan sumber kewangan yang lain, cek kembara, cek bank, kiriman wang, produk pasaran modal, draf dan surat kredit, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuk kepentingan undang-undang atau ekuiti, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, dalam mana-mana harta tersebut;

"aktiviti yang menyalahi undang-undang" bermaksud:

- (a) apa-apa aktiviti yang merupakan sebarang kesalahan serius atau sebarang kesalahan serius asing; atau
- (b) apa-apa aktiviti yang bersifat sedemikian, atau berlaku dalam keadaan sedemikian, yang aktiviti itu mengakibatkan atau menyebabkan perlakuan mana-mana kesalahan serius atau kesalahan serius asing, tidak kira sama ada aktiviti itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, berlaku di dalam atau di luar Malaysia;

"kesalahan serius" bermaksud:

- (a) mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua AMLA;
- (b) percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan tersebut; atau
- (c) perubahatan mana-mana kesalahan tersebut;

"Transaksi" termasuk suatu pengaturan untuk membuka akaun yang melibatkan dua (2) orang atau lebih dan sebarang transaksi yang berkaitan antara mana-mana orang yang berkenaan dengan orang lain;

25.3. Pelanggan mengakui dan bersetuju dengan Bank bahawa:-

- (a) Bank berobligasi untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan, arahan, dokumen dasar, garis panduan, arahan amalan, sekatan, piawaian dan amalan industri dan keperluan lain, termasuk tanpa had AMLA, Akta Perdagangan Strategik 2010, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana Bank sebagai institusi kewangan Islam berlesen boleh dari semasa ke semasa tertakluk kepada di Malaysia (secara kolektif, **"Keperluan Peraturan"**);
- (b) Bank berhak untuk melakukan atau menahan daripada melakukan sebarang tindakan atau perkara, untuk mematuhi Keperluan Peraturan;
- (c) jika Bank berpendapat bahawa sebarang peristiwa atau keadaan (sama ada berkaitan atau tidak), yang akan menjadikannya tidak sah atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk meluluskan Kemudahan telah berlaku atau timbul, atau kelulusan Kemudahan akan melanggar mana-mana Keperluan Peraturan (secara keseluruhan atau sebahagian), termasuk tanpa had penerimaan Bank bagi sebarang amaran atau padanan nama positif daripada semakan berkaitan yang dilakukan ke atas Pelanggan dan mana-

mana yang pihak ketiga berkaitan yang terlibat dalam transaksi yang mendasari (termasuk tanpa had vendor/pemaju/penganjur/ejen/pemegang amanah/pembekal yang terlibat dalam penyediaan Perkhidmatan) oleh Bank menurut Keperluan Peraturan, maka, tanpa mengira apa-apa yang bertentangan yang terkandung di sini dan/atau dalam Surat Tawaran, Bank hendaklah, pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar atau tempoh yang lebih singkat seperti yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Keperluan Peraturan tersebut, berhak untuk:-

- (i) Menggantung Kemudahan, dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin diperlukan untuk mematuhi Keperluan Peraturan; dan/atau
 - (ii) Membatalkan Kemudahan dan menamatkan hubungan dengan Pelanggan, dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin diperlukan untuk mematuhi Keperluan Peraturan.
- (d) Jika Kemudahan dibatalkan/ditamatkan oleh Bank menurut pematuhan Bank terhadap Keperluan Peraturan:
- (i) tiada penggunaan atau penggunaan lanjut perkhidmatan di bawah Kemudahan akan dibenarkan; dan
 - (ii) Bank berhak untuk melaksanakan semua atau mana-mana hak dan remedi yang tersedia kepadanya di bawah dokumentasi undang-undang berkaitan dengan Kemudahan, undang-undang yang berkenaan atau sebaliknya;
- (e) Pelanggan hendaklah menyediakan semua dokumen dan maklumat seperti yang dikehendaki oleh Bank (pada setiap masa sepanjang tempoh Kemudahan) untuk tujuan mematuhi Keperluan Peraturan;
- (f) Bank berhak untuk menghentikan semua perkhidmatan yang akan dilaksanakan dan diterima di bawah Kemudahan ini sehingga notis selanjutnya (perintah pembatalan) diterima daripada agensi penguatkuasaan tersebut atau penghentian perintah (mana yang pertama); atau melainkan terdapat perintah variasi.

26. AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 ("AKTA SPRM")

- 26.1. Pelanggan dikehendaki untuk membaca dan memahami dasar dan prosedur antirasuah Bank yang terdapat di laman web Bank di www.rhbgroup.com. Pelanggan akan dimaklumkan oleh Bank tentang sebarang pindaan atau revisi terhadap dasar dan prosedur antirasuah Bank, dan Pelanggan dikehendaki untuk membaca dan memahami pindaan atau revisi tersebut, yang akan disediakan di laman web Bank. Jika Pelanggan tidak memahami dasar, prosedur atau sebarang kemas kini yang berkaitan, Pelanggan boleh menghubungi Bahagian Integriti & Tadbir Urus Kumpulan RHB.
- 26.2. Pelanggan memberi representasi dan waranti kepada Bank bahawa Pelanggan mematuhi semua undang-undang, keperluan peraturan dan dasar dan prosedur anti-rasuah Bank, termasuk semua undang-undang dan keperluan peraturan antirasuah dan antisuapan, dan akan sentiasa mematuhi semua undang-undang, keperluan peraturan dan dasar serta prosedur antirasuah Bank. Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan akan bekerjasama dengan Bank untuk melengkapkan sebarang tindakan verifikasi yang dijalankan oleh Bank mengikut dasar dan prosedur antirasuah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyediaan semua dokumen dan/atau maklumat yang diperlukan oleh Bank.
- 26.3. Pelanggan seterusnya menyatakan representasi dan waranti kepada Bank bahawa Pelanggan tidak atau tidak disyaki telah memberikan, berjanji, menawarkan, meminta, menerima, memperoleh, menerima, bersetuju atau berusaha untuk berbuat demikian, dan tidak akan pada bila-bila masa memberi, berjanji, menawarkan, meminta, menerima, memperoleh, menerima, bersetuju atau berusaha untuk berbuat demikian, apa-apa bentuk suapan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada atau daripada mana-mana orang yang berkaitan atau dikaitkan dengan Kemudahan atau urusan atau perniagaan Pelanggan ("**Orang**") untuk:
- (i) mempengaruhi secara tidak wajar apa-apa tindakan, peninggalan atau keputusan oleh Orang tersebut berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenarnya atau dicadangkan atau mungkin akan berlaku; atau

- (ii) secara tidak wajar mendorong Orang tersebut untuk menggunakan pengaruh Orang tersebut dengan atau pada mana-mana entiti atau mana-mana orang lain untuk mempengaruhi apa-apa tindakan, peninggalan atau keputusan oleh entiti tersebut atau orang lain; atau
- (iii) menjamin sebarang kelebihan yang tidak wajar.

26.4. Bagi tujuan Surat Tawaran dan Terma dan Syarat Am ini, "suapan" mempunyai maksud yang dinyatakan dalam Seksyen 3 Akta SPRM/ di bawah ini:

- (a) wang, derma, hadiah, pinjaman/kemudahan, yuran, ganjaran, sekuriti berharga, harta atau kepentingan dalam harta benda iaitu apa-apa jenis harta benda sama ada alih atau tidak alih, manfaat kewangan, atau apa-apa kelebihan lain yang seumpamanya;
- (b) sebarang jawatan, maruah, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan perjanjian untuk memberi pekerjaan atau memberikan perkhidmatan dalam apa jua kapasiti;
- (c) sebarang pembayaran, pelepasan, pembebasan atau pembubaran mana-mana pinjaman/kemudahan, obligasi atau liabiliti lain, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian;
- (d) sebarang balasan berharga dalam apa jua bentuk, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) sebarang perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) sebarang perkhidmatan lain atau sokongan dalam apa-apa bentuk, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau diberkas atau daripada sebarang tindakan atau prosiding tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada telah dimulakan atau tidak, dan termasuk pelaksanaan atau menahan diri daripada melaksanakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau tugas rasmi; dan
- (g) sebarang tawaran, akujanji atau janji, sama ada bersyarat atau tanpa syarat, untuk apa-apa suapan dalam erti mana-mana perenggan (a) hingga (f).

26.5. Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan hendaklah apabila berlakunya mana-mana peristiwa yang dinyatakan di atas, pada kesempatan terawal selepas itu, melaporkan peristiwa tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau seorang pegawai polis, dan saluran pelaporan sulit (Speak Up Corner) Bank yang boleh didapati di laman web korporat Bank di www.rhbgroup.com. Kegagalan membuat laporan tersebut merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00) atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

26.6. Kejadian mana-mana aktiviti di atas akan dianggap sebagai Peristiwa Kemungkiran di bawah Kemudahan dan Bank berhak tanpa notis lanjut kepada Pelanggan untuk melaksanakan dengan serta-merta semua atau mana-mana hak, kuasa dan remedi yang tersedia di bawah Kemudahan atau oleh statut atau sebaliknya, dan Bank hendaklah membuat pendedahan yang diperlukan mengikut pematuhan undang-undang dan keperluan peraturan yang berkaitan.

27. NOTIS DASAR PERTUKARAN ASING

27.1. Pelanggan faham bahawa di bawah Notis Dasar Pertukaran Asing BNM:

27.1.1. Kumpulan Perbankan RHB mempunyai hak untuk menggantung permohonan saya dalam denominasi mata wang selain Ringgit Malaysia jika kemudahan saya telah melebihi ambang agregat yang ditetapkan setiap tahun kalendar tanpa surat kelulusan daripada BNM.

27.1.2. Pemastautin merujuk kepada:

- (a) Warganegara Malaysia, tidak termasuk warganegara yang telah memperoleh status pemastautin tetap di negara atau wilayah di luar
- (b) Malaysia dan menetap di luar Malaysia;
- (c) Bukan warganegara Malaysia yang telah memperoleh status pemastautin tetap di Malaysia dan biasanya menetap di Malaysia;
- (d) Badan korporat yang diperbadankan atau ditubuhkan, atau didaftarkan dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa, di Malaysia;
- (e) Badan yang tidak diperbadankan yang didaftarkan dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia; Atau
- (f) Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri

27.1.3. Bukan Pemastautin merujuk kepada:

- (a) Mana-mana orang selain daripada pemastautin;
- (b) Cawangan luar negara, anak syarikat, pejabat serantau, pejabat jualan atau pejabat perwakilan syarikat pemastautin;
- (c) Kedutaan, Konsulat, Suruhanjaya Tinggi, organisasi supranasional atau antarabangsa; atau
- (d) Warganegara Malaysia yang telah memperoleh status pemastautin tetap negara atau wilayah di luar Malaysia dan menetap di luar Malaysia.

Untuk mengelakkan keraguan, ini termasuk Kedutaan Malaysia, Konsulat dan Suruhanjaya Tinggi.

27.1.4. Entiti merujuk kepada:

- (a) mana-mana perbadanan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, persatuan, koperasi, perkongsian liabiliti terhad dan mana-mana badan, organisasi, persatuan atau kumpulan orang, sama diperbadankan atau tidak diperbadankan, di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (b) Kerajaan Persekutuan, mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana kerajaan lain.

27.1.5. Pinjaman/Pembiayaan Ringgit domestik merujuk kepada sebarang pinjaman/pembiayaan dalam Ringgit yang diperoleh oleh pemastautin daripada pemastautin lain (termasuk individu, syarikat dan institusi kewangan) dalam bentuk kemudahan kredit, kemudahan pembiayaan, jaminan perdagangan atau jaminan pembayaran barangan, saham keutamaan yang boleh ditebus, saham keutamaan yang boleh ditebus Islam, bon korporat atau sukuk selain daripada:

- (a) Terma kredit perdagangan yang dilanjutkan oleh pembekal untuk semua jenis barangan atau perkhidmatan;
- (b) Had kredit yang diperuntukkan oleh bank dalam pesisir berlesen untuk menjalankan transaksi asas hadapan, tidak termasuk transaksi yang melibatkan:
 - (i) pertukaran atau swap hutang Ringgit Malaysia atau mata wang asing dengan hutang mata wang asing yang lain; atau
 - (ii) pertukaran hutang mata wang asing dengan hutang Ringgit Malaysia;
- (c) Jaminan kewangan atau jaminan bukan kewangan;
- (d) Kemudahan pajakan operasi;
- (e) Kemudahan pempfaktoran tanpa tuntutan balik;
- (f) Kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang diperoleh oleh individu pemastautin daripada pemastautin untuk membeli satu harta kediaman dan satu kenderaan;
- (g) Kemudahan kad kredit/-i dan kad caj/-i yang diperoleh oleh individu pemastautin daripada pemastautin dan digunakan untuk pembayaran barangan atau perkhidmatan runcit sahaja.

Pinjaman/pembiayaan Ringgit domestik di atas juga hendaklah mengecualikan pinjaman/pembiayaan dalam Ringgit bagi entiti pemastautin daripada entiti pemastautin lain dalam kumpulan entiti yang mempunyai hubungan induk-anak syarikat, pinjaman/pembiayaan yang diperoleh daripada pemegang saham langsungnya, dan sebarang kemudahan termasuk kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang digunakan untuk pelbagai perbelanjaan atau perbelanjaan pekerja sahaja.

Individu pemastautin, pemilik tunggal atau perkongsian am dengan pinjaman/pembiayaan Ringgit Domestik dibenarkan melabur dalam aset mata wang asing sehingga RM1 juta bersamaan (dikira secara agregat berdasarkan individu pemastautin, pemilik tunggal dan perkongsian am) setiap tahun kalendar, dan entiti pemastautin dengan pinjaman/pembiayaan Ringgit Domestik dibenarkan melabur dalam aset mata wang asing sehingga RM50 juta bersamaan (dikira secara agregat berdasarkan entiti pemastautin dalam kumpulan entiti dengan hubungan induk-anak syarikat) setiap tahun kalendar, menggunakan dana yang diperoleh daripada agregat:

- (a) penukaran Ringgit kepada mata wang asing;
- (b) akaun dagangan mata wang asing;
- (c) pinjaman/pembiayaan dalam mata wang asing daripada bank dalam pesisir berlesen untuk tujuan selain daripada pelaburan langsung di luar negara; dan
- (d) swap aset kewangan dalam denominasi Ringgit di Malaysia untuk aset kewangan di Entiti Labuan atau di luar Malaysia.

27.1.6. Aset mata wang asing merujuk kepada Aset Mata Wang Asing Luar Pesisir dan Aset Mata Wang Asing Dalam Pesisir.

- 27.1.7. Aset Mata Wang Asing Luar Pesisir (sebelum ini dirujuk sebagai "**Pelaburan di Luar Negara**") merujuk kepada:
- (a) aset kewangan di Malaysia yang ditukar dengan aset kewangan dalam Entiti Labuan atau di luar Malaysia;
 - (b) pinjaman/pembiayaan mata wang asing yang diberikan kepada Bukan Pemastautin;
 - (c) modal kerja yang timbul daripada penubuhan mana-mana pengaturan perniagaan di luar Malaysia (termasuk projek usaha sama di mana tiada Entiti dicipta atau ditubuhkan);
 - (d) deposit dalam akaun mata wang asing yang diselenggara dengan Entiti Labuan atau di luar Malaysia tidak termasuk jumlah yang munasabah deposit untuk pendidikan, pekerjaan atau penghijrahan ke luar Malaysia;
 - (e) aset yang denominasi dalam mata wang asing
 - (i) aset (ketara atau tidak ketara) yang ditawarkan oleh Bukan Pemastautin atau mana-mana orang yang pemastautinnya tidak dapat ditentukan;
 - (ii) aset (ketara atau tidak ketara) di dalam atau diselenggara dengan Entiti Labuan, atau di luar Malaysia;
 - (iii) instrumen kewangan atau instrumen kewangan Islam (tidak termasuk derivatif kadar pertukaran) tanpa komitmen kukuh yang ditawarkan di bursa tertentu di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Akta 671) di luar Malaysia yang dilaksanakan oleh Pemastautin melalui broker niaga hadapan Pemastautin; atau
 - (iv) instrumen kewangan atau instrumen kewangan Islam (tidak termasuk derivatif kadar pertukaran) tanpa komitmen kukuh yang dikeluarkan atau ditawarkan oleh Bukan Pemastautin.
- 27.1.8. Aset Mata Wang Asing Luar Pesisir merujuk kepada:
- (a) sekuriti dalam denominasi mata wang asing atau sekuriti Islam yang ditawarkan di Malaysia oleh Pemastautin seperti yang diluluskan secara bertulis oleh Bank;
 - (b) instrumen kewangan dalam denominasi mata wang asing atau instrumen kewangan Islam yang ditawarkan di Malaysia oleh Pemastautin seperti yang diluluskan secara bertulis oleh Bank tidak termasuk transaksi derivatif atau derivatif Islam yang dimeterai dengan komitmen yang tegas;
 - (c) deposit dalam akaun pelaburan mata wang asing dengan bank luar pesisir berlesen atau institusi kewangan yang diluluskan seperti yang dinyatakan dalam Notis 3 Notis Dasar Pertukaran Asing; atau
 - (d) sebarang instrumen yang ditawarkan oleh bank berlesen dalam pesisir dengan penghantaran mata wang asing pada tempoh matang.
- 27.1.9. Pelaburan Langsung di Luar Negara merujuk kepada:
- (a) pelaburan dalam Aset Mata Wang Asing Luar Pesisir oleh Pemastautin yang mengakibatkan sekurang-kurangnya 10% pemilikan ekuiti atau kawalan terhadap Entiti Bukan Pemastautin di luar Malaysia atau Entiti Labuan;
 - (b) pinjaman antara syarikat oleh Entiti Pemastautin kepada Entiti Bukan Pemastautin dalam Kumpulan Entiti Pemastautin di mana Entiti Bukan Pemastautin berada di luar Malaysia atau suatu Entiti Labuan; atau
 - (c) perbelanjaan modal oleh pelabur Pemastautin dalam Entiti tidak diperbadankan di luar Malaysia atau projek di luar Malaysia melalui perjanjian tanpa pertubuhan yang diwujudkan, di mana pelabur Pemastautin:
 - (i) menyumbang modal sekurang-kurangnya 10% daripada kos projek;
 - (ii) berhak mendapat sekurang-kurangnya 10% keuntungan daripada Entiti atau projek yang tidak diperbadankan; atau
 - (iii) mempunyai kawalan pengurusan terhadap Entiti atau projek yang tidak diperbadankan.
- 27.1.10. Pelanggan hendaklah bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013/ Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Notis Dasar Pertukaran Asing dan sebarang pindaan dari semasa ke semasa berkenaan dengan sebarang transaksi atau pembayaran kepada atau daripada akaun Pelanggan yang berkaitan.
- 27.1.11. Sekiranya terdapat perubahan kepada keadaan dan/atau butiran yang terkandung dalam pengisytiharan dan aku janji ini, Pelanggan berjanji untuk mengemas kini perubahan kepada Bank

dengan segera, jika gagal Bank boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan sesuai oleh Bank tanpa rujukan lanjut kepada Pelanggan.

- 27.1.12. Pelanggan dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberikan dalam Terma dan Syarat Am ini adalah benar dan betul.

28. NOTIS PRIVASI

Pelanggan faham bahawa Bank akan menggunakan, mengumpul, merekodkan, menyimpan, berkongsi dan/atau memproses maklumat peribadi Pelanggan, termasuk, butiran hubungan Pelanggan, maklumat latar belakang, data kewangan, alamat percukaian dan maklumat lain yang berkaitan dengan permohonan Pelanggan untuk produk dan / atau perkhidmatan yang:

- (a) Pelanggan telah berikan di sini atau melalui mana-mana hubungan lain dengan Kumpulan Perbankan RHB (yang termasuk syarikat induk, anak syarikat, dan mana-mana syarikat bersekutu), termasuk mana-mana syarikat hasil daripada sebarang penstrukturan, penggabungan, penjualan atau pengambilalihan), atau
- (b) telah diperoleh daripada analisis pembayaran saya dan transaksi/perkhidmatan lain dalam Kumpulan Perbankan RHB, atau
- (c) telah diperoleh daripada pihak ketiga seperti majikan, pemohon bersama/pemegang akaun, penjamin, wakil yang sah, persatuan berkaitan industri/kewangan, pihak berkuasa kerajaan/pengawalseliaan, biro kredit atau agensi pelaporan kredit, peruncit, rangkaian sosial dan agensi pencegahan penipuan atau organisasi lain/untuk mana-mana dan/atau semua tujuan berikut ("**Tujuan**"), jika berkenaan:
 - (i) menyediakan produk dan/atau perkhidmatan ini dan memaklumkan saya tentang perubahan atau perkembangan penting kepada ciri-cirinya;
 - (ii) mengemaskini dan mengurus ketepatan rekod Kumpulan Perbankan RHB;
 - (iii) pencegahan, pengesanan atau pendakwaan jenayah, dan mematuhi obligasi undang-undang dan kawal selia;
 - (iv) penilaian dan analisis termasuk kredit, pembiayaan, risiko insurans/takaful atau tujuan risiko lain, pemarkahan tingkah laku, perlombongan, pemprofilan, analisis data, kajian wajar, analisis pasaran dan produk dan/atau penyelidikan pasaran;
 - (v) komunikasi dan memastikan kepuasan Pelanggan, yang mungkin termasuk menjalankan tinjauan untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan Bank, menjawab pertanyaan dan aduan dan untuk menyelesaikan pertikaian secara amnya;
 - (vi) menentukan jumlah keberhutangan saya dan mendapatkan semula hutang yang saya berhutang kepada Bank;
 - (vii) mengekalkan sejarah kredit saya untuk rujukan masa kini dan masa hadapan;
 - (viii) membolehkan penerima serah hak Bank yang sebenar atau yang dicadangkan, atau peserta atau sub-peserta Bank untuk menilai transaksi saya yang bertujuan untuk menjadi subjek tugasan, penyertaan atau sub-penyertaan;
 - (ix) jualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/atau perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB dan pakatan strategiknya;
 - (x) untuk acara korporat Bank (termasuk acara rangkaian, pelancaran produk, dll) /peraduan, di mana gambar/imej Pelanggan boleh ditangkap dan boleh digunakan untuk penerbitan Bank;
 - (xi) melindungi kepentingan Kumpulan Perbankan RHB; dan
 - (xii) semua tujuan lain yang sampingan atau berkaitan dengan mana-mana perkara di atas.

Pelanggan memahami dan mengakui bahawa adalah perlu bagi Bank untuk memproses maklumat peribadinya untuk tujuan tersebut, tanpa itu Bank tidak akan dapat menyediakan produk/perkhidmatan yang telah diminta oleh Pelanggan daripada Bank dan untuk memaklumkan Pelanggan tentang perubahan atau perkembangan penting kepada produk/perkhidmatan. Apabila Pelanggan telah memberikan maklumat peribadi sensitif kepada Bank (khususnya, maklumat yang terdiri daripada kesihatan fizikal/mental Pelanggan untuk permohonan produk/perkhidmatan insurans/takaful), Pelanggan dengan jelas membenarkan Bank memproses maklumat tersebut dengan cara yang dinyatakan dalam klausa ini. Pelanggan boleh melaksanakan pilihan berkenaan dengan penerimaan bahan pemasaran (termasuk jualan silang, pemasaran dan promosi seperti yang dinyatakan di atas) pada bila-bila masa dengan melawat mana-mana cawangan

Bank atau menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB melalui telefon di 03-92068118 atau melalui e-mel di customer.service@rhbgroup.com.

Pelanggan faham bahawa Bank boleh mendedahkan maklumat peribadinya (atau maklumat peribadi sensitif, jika berkenaan) kepada syarikat lain dalam Kumpulan Perbankan RHB, penyedia perkhidmatan, peniaga dan rakan kongsi strategik, vendor termasuk agensi kutipan hutang, penasihat profesional, persatuan berkaitan industri/kewangan, biro kredit atau agensi pelaporan kredit dan agensi pencegahan penipuan, agensi kerajaan, institusi kewangan lain dan mana-mana ejen masing-masing, kakitangan dan/atau orang berkenaan, sama ada berada di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan, jika berkenaan, tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai kepada Bank.

Pelanggan selanjutnya faham bahawa Pelanggan boleh meminta pembetulan (jika maklumat peribadinya tidak tepat, lapuk, tidak lengkap, dll), akses kepada (bayaran yang ditetapkan mungkin dikenakan), atau penghapusan (jika Pelanggan tidak lagi mempunyai sebarang produk/perkhidmatan dengan Kumpulan Perbankan RHB) maklumat peribadinya atau mengehaskan pemrosesannya pada bila-bila masa selepas ini dengan menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan RHB melalui telefon di 03-92068118 atau melalui e-mel di customer.service@rhbgroup.com.

Pelanggan mengakui bahawa Kumpulan Perbankan RHB boleh mengubah suai atau mengemas kini Notis Privasinya dari semasa ke semasa, salinannya boleh didapati di www.rhbgroup.com dan Pelanggan tersebut boleh menyalurkan sebarang aduan atau pertanyaan melalui kaedah yang dinyatakan di atas.

PENGAKUAN DAN PERSETUJUAN

Dengan memberikan maklumat peribadi dan tandatangan, Pelanggan bersetuju untuk Bank memproses maklumat peribadinya bagi sebarang pendedahan yang diperlukan dan pemindahan maklumat peribadi tersebut ke kepada pihak ketiga yang berkaitan, di luar negara, untuk Tujuan, jika berkenaan.

Pelanggan bersetuju terhadap pendedahan dan/atau pemindahan maklumat peribadinya kepada pihak ketiga yang berkaitan hasil daripada sebarang penstrukturan, penjualan atau pengambilalihan mana-mana syarikat dalam Kumpulan Perbankan RHB, dengan syarat penerima menggunakan maklumat peribadinya untuk Tujuan tersebut, jika berkenaan.

Pelanggan juga memberi representasi dan waranti bahawa dia telah dengan secukupnya memperoleh persetujuan daripada individu pihak ketiga (contohnya keluarga, pasangan, pihak berkaitan, pemegang kad tambahan dan/atau orang hubungan kecemasan, dll) yang maklumat peribadinya telah didedahkan kepada Bank untuk membolehkan Bank memproses perkara tersebut berhubung dengan Tujuan, jika berkenaan.

29. KEWAJIPAN MENENTUSAHKAN PENYATA AKAUN/SIJIL BANK

- 29.1. Pelanggan mestilah menentusahkan semua penyata akaun yang dihantar kepada Pelanggan oleh Bank (ditandatangani oleh mana-mana pegawainya berkaitan akaun tertunggak pada bila-bila masa), dan dalam masa yang munasabah memaklumkan kepada Bank jika terdapat sebarang percanggahan dalam penyata akaun tersebut. Jika Pelanggan gagal memaklumkan Bank dengan sewajarnya, maka penyata akaun tersebut akan (kecuali untuk kesilapan yang nyata) dianggap sebagai konklusif dan mengikat Pelanggan.
- 29.2. Jika Pelanggan telah memilih untuk *e-Statement* dalam Jenis Penyata, Pelanggan mengakui bahawa Pelanggan telah membaca, bersetuju dan faham dengan kandungan Pernyataan Perjanjian Elektronik Pengguna - Terma & Syarat ("**Terma & Syarat e-Statement**") dan Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan terikat dengan Terma & Syarat *e-Statement* tersebut. Pelanggan boleh melihat Terma & Syarat *e-statement* dengan melayari www.rhbgroup.com.

30. TOLAK SELESAI /PENGGABUNGAN ATAU PENYATUAN AKAUN

- 30.1. Bank boleh, dengan memberikan tujuh (7) hari kalendar notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan, menolak sebarang wang dalam mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank dan Kumpulan Perbankan RHB

(hanya sehingga bahagian prinsipal untuk akaun bukan Islamik) untuk membayar apa-apa jumlah yang genap masanya dan kena dibayar oleh Pelanggan kepada Bank di bawah Kemudahan ini. Bank boleh mengambil apa-apa tindakan yang munasabah untuk menyebabkan potongan tersebut dibuat di bawah Klausa ini (termasuk membuat pertukaran mata wang).

31. AKAUN GANTUNG

- 31.1. Apa-apa wang yang diterima oleh Bank berkenaan dengan Kemudahan boleh diletakkan buat sementara waktu dalam akaun am (bukan pendapatan) Bank selama mana Bank beranggapan wajar, tanpa menjadikan Bank perlu untuk menggunakan wang tersebut untuk membayar mana-mana liabiliti Pelanggan kepada Bank.

32. NOTIS & PENYAMPAIAN PROSES PERUNDANGAN

- 32.1. Notis / Komunikasi:

32.1.1. Sebarang notis, tuntutan atau komunikasi lain di antara Pelanggan dan Bank di bawah Surat Tawaran dan Terma dan Syarat Am ini boleh diberikan secara bertulis kepada pihak yang lagi satu di butiran alamat seperti yang dinyatakan di sini dan/atau dalam Surat Tawaran atau di alamat lain yang telah dimaklumkan oleh penerima kepada pihak yang lagi satu secara bertulis. Tiada perubahan bagi alamat Pelanggan yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran dan/atau Terma dan Syarat Am ini berkuat kuasa atau mengikat Bank, melainkan Bank telah menerima notis sebenar mengenai pertukaran alamat tersebut.

32.1.2. Notis atau komunikasi lain boleh diberikan atau dibuat dengan apa jua cara seperti yang dinyatakan dalam Klausa ini. Notis atau komunikasi lain dianggap sebagai telah disampaikan kepada Pelanggan (melainkan terdapat bukti yang bertentangan bahawa notis/komunikasi tersebut tidak disampaikan):

- (a) dalam kes panggilan telefon, apabila panggilan dibuat;
- (b) dalam kes kiriman surat, pada hari kelima (ke-5) selepas diposkan;
- (c) dalam kes kurier atau perkhidmatan pos segera yang lain, pada masa penghantaran, selagi notis atau komunikasi lain tersebut telah dialamatkan dan diposkan dengan sewajarnya;
- (d) dalam kes faksimili, pada masa laporan penghantaran diterima oleh pengirim, yang mengesahkan bahawa penerima telah menerima faksimili tersebut;
- (e) dalam kes mel elektronik, pada hari mel elektronik tersebut memasuki sistem maklumat Pelanggan, selagi Bank tidak menerima mesej kegagalan penghantaran atau tidak dapat dihantar daripada hos perkhidmatan pada hari penghantaran;
- (f) dalam kes penghantaran secara kediri, pada masa penghantaran; dan
- (g) dalam kes SMS, pada hari SMS tersebut dihantar kepada Pelanggan, selagi Bank tidak menerima mesej kegagalan penghantaran pada hari SMS itu dihantar.

32.1.3. Tanpa mengambil kira peruntukan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh membuat permintaan untuk pembayaran, dalam bentuk tuntutan atau notis daripada janaan komputer yang tidak memerlukan tandatangan atau yang mengandungi tandatangan bercetak atau faksimili. Sebarang tuntutan atau notis sedemikian (kecuali bagi kesilapan yang nyata), adalah mengikat dan konklusif kepada Pelanggan.

32.1.4. Jika Pelanggan menghantar sebarang arahan, notis atau komunikasi, atau jika Pelanggan melaksanakan atau menyempurnakan sebarang dokumen melalui faksimili atau mel elektronik kepada Bank, Pelanggan mestilah menanggung rugi Bank terhadap sebarang tuntutan, kerugian dan liabiliti yang timbul daripada Bank bergantung kepada arahan, notis, komunikasi, pelaksanaan atau penyempurnaan tersebut.

32.1.5. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk bergantung dan bertindak ke atas sebarang arahan, notis atau komunikasi daripada Pelanggan yang dibuat melalui telefon atau faksimili kepada Bank. Pelanggan mestilah menanggung rugi Bank dan tidak boleh membuat Bank bertanggungjawab ke atas sebarang tindakan, saman, prosiding, kos, tuntutan, permintaan, caj, perbelanjaan, kerugian dan liabiliti (melainkan jika disebabkan oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank), disebabkan atau berkaitan dengan Bank yang bergantung atau bertindak dengan niat baik mengikut arahan telefon atau faksimili Pelanggan,

notis atau komunikasi, walaupun arahan, notis atau komunikasi tersebut telah dimulakan atau dihantar secara salah, diubah secara penipuan, salah faham atau diubahsuai dari aspek penyampaian atau penghantaran komunikasi.

32.2. Penyampaian Proses Perundangan:

- 32.2.1. Proses Perundangan boleh disampaikan melalui pos berdaftar atau pos biasa yang dihantar ke alamat pihak yang berkenaan, dan Proses Perundangan tersebut dianggap telah disampaikan dengan sewajarnya (melainkan terdapat bukti yang bertentangan bahawa Proses Perundangan itu secara fakta tidak disampaikan) selepas lima (5) hari kalendar dari tarikh pos dan jika disampaikan dengan tangan, pada hari ia dihantar; dan diakui dengan sewajarnya.
- 32.2.2. Tiada perubahan dalam alamat untuk penyampaian akan berkuat kuasa atau mengikat mana-mana pihak, melainkan pihak itu telah memberikan notis sebenar kepada pihak yang satu lagi tentang pertukaran alamat untuk penyampaian, dan apa-apa yang dilakukan yang berdasarkan sub-klausa (a) di atas tidak terjejas oleh apa-apa pertukaran alamat penyampaian yang dibuat kemudian, yang mana pihak lain tidak mempunyai pengetahuan sebenar pada masa tindakan atau perkara itu dilakukan atau dilaksanakan.
- 32.2.3. "**Proses Perundangan**" bermaksud pliding, semua bentuk proses pemula, permohonan interlokutori, affidavit, perintah dan dokumen lain yang perlu diberikan kepada pihak lain, notis, di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Insolvensi 1967 dan undang-undang lain di Malaysia.

33. KETERSEDIAAN DANA/ SEMAKAN SEMULA

- 33.1. Ketersediaan Kemudahan adalah tertakluk kepada ketersediaan dana Bank dan Bank boleh dari masa ke semasa untuk menyemak semula Kemudahan tersebut, sebagaimana dianggap sesuai. Bank boleh menamatkan atau menarik balik Kemudahan (dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan) pada bila-bila masa, tanpa mengambil kira sama ada Pelanggan telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran, Terma dan Syarat Am ini atau dalam mana-mana dokumen lain yang berkaitan dengan Kemudahan.

34. HAK YANG TIDAK BOLEH BATAL UNTUK MENDEBITKAN AKAUN

- 34.1. Pelanggan mestilah mengekalkan akaun deposit dengan Bank dan melaksanakan satu arahan tetap yang secara tidak boleh batal dan tanpa syarat memberi kuasa kepada Bank untuk memotong akaun Pelanggan untuk perkara berikut:
 - (a) pembayaran bulanan Harga Jualan genap masanya dan kena dibayar di bawah Kemudahan; dan
 - (b) semua perbelanjaan, duti, fi dan jumlah lain yang genap masanya dan kena dibayar yang timbul daripada Kemudahan ini, termasuk semua sumbangan Takaful, cukai taksiran, kos penyelenggaraan dan caj perkhidmatan ke atas pengaturan pembiayaan, termasuk cukai perkhidmatan dan/atau sebarang cukai yang dikenakan dari semasa ke semasa.

35. KETAHANAN

- 35.1. Jika mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan rasmi, atau sebarang perubahan dalam pentafsiran atau penggunaan undang-undang, peraturan atau arahan rasmi tersebut, yang menjadikan Bank sebagai menyalahi undang-undang untuk menjalankan obligasi Bank di bawah Surat Tawaran dan/atau Terma dan Syarat Am ini, Bank akan dengan serta-merta memaklumkan kepada Pelanggan bahawa Kemudahan telah ditamatkan, dan apabila menerima notis tersebut Kemudahan akan dibatalkan dan Pelanggan mestilah dengan serta-merta membayar semua wang yang tertunggak dan kena dibayar di bawah Kemudahan ini.

36. TAKAFUL

- 36.1. Pelanggan adalah digalakkan untuk mengambil pelan Takaful Keluarga Kredit Berkelompok bagi menjamin pembayaran di bawah Kemudahan ini sama ada daripada pengendali Takaful yang disenaraikan di panel

pengendali Takaful Bank atau daripada mana-mana pengendali Takaful yang sah lain pilihan Pelanggan.

- 36.2. Sumbangan yang kena dibayar akan ditolak daripada hasil sebelum pengeluaran kepada Pelanggan hanya jika pengendali Takaful disenaraikan dalam panel Bank.

37. CARIAN KEBANKRAPAN / PENGGULUNGAN

- 37.1. Bank akan melakukan carian kebangkrapan ke atas Pelanggan/ penjamin Pelanggan (jika ada) sebelum pengeluaran Kemudahan dan pada bila-bila masa selepas pengeluaran. Semua caj yang ditanggung berkaitan dengan carian kebangkrapan / penggulungan mestilah dibayar oleh Pelanggan. Jika apa-apa carian mengesahkan yang Pelanggan/penjamin Pelanggan merupakan seorang bankrap/ telah digulung, atau jika terdapat apa-apa prosiding undang-undang, saman atau tindakan telah dimulakan terhadap Pelanggan dan penjamin Pelanggan, Bank boleh (dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan) menarik balik/membatalkan/menamatkan Kemudahan yang telah diberikan kepada Pelanggan.

38. CEK TAK LAKU

- 38.1. Bank boleh menutup akaun semasa Pelanggan dengan Bank (dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan) apabila akaun Pelanggan telah disenaraihitamkan oleh sistem pemantauan cek tidak laku Bank. Bank boleh (dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan) menamatkan Kemudahan apabila akaun disenaraihitamkan.

39. TIADA PELANGGARAN TERHADAP PRINSIP SHARIAH

- 39.1. Pelanggan bersetuju bahawa penggunaan Kemudahan adalah untuk tujuan yang dinyatakan di sini dan/atau dalam Surat Tawaran, dan bahawa Kemudahan ini mematuhi prinsip Syariah. Pelanggan seterusnya mengesahkan bahawa Pelanggan tidak mempunyai dan tidak akan membangkitkan sebarang bantahan mengenai perkara yang berkaitan pematuhan Syariah yang berkaitan dengan Kemudahan.

40. NASIHAT PERUNDANGAN/SHARIAH BEBAS DAN RUJUKAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SHARIAH BNM ("MPS")

- 40.1. Pelanggan bertanggungjawab untuk menilai terma di dalam Terma dan Syarat Am ini dan hendaklah mendapatkan nasihat perundangan dan/atau Syariah bebas dengan sendiri. Pelanggan juga bersetuju bahawa Kemudahan yang telah diberikan atau akan diberikan kepada Pelanggan adalah selaras dengan prinsip Syariah yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am ini dan mengesahkan bahawa ia tidak pernah dan tidak akan membangkitkan sebarang bantahan mengenai hal pematuhan Syariah berkenaan dengan Kemudahan ini. Sekiranya sebarang isu atau bantahan berkaitan pematuhan Syariah dibangkitkan, pihak-pihak bersetuju untuk merujuk isu atau bantahan tersebut kepada MPS untuk satu keputusan yang mana keputusan (berkenaan dengan isu atau bantahan berkaitan pematuhan Syariah) akan muktamad dan mengikat pihak-pihak.

41. TERMA DAN SYARAT LAIN

- 41.1. Pelanggan mestilah mengendalikan akaun Pelanggan dengan Bank dengan cara yang memuaskan, dan membayar ansuran atau bayaran dan apa-apa wang yang kena dibayar berkenaan dengan Kemudahan ini dengan segera.
- 41.2. Jika mana-mana peruntukan Surat Tawaran dan Terma dan Syarat Am ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, kesahan, kesahihan atau kebolehuatkuasaan peruntukan yang lain tidak akan terjejas atau terganggu.
- 41.3. Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Surat Tawaran, Bank boleh (dengan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan dan dengan menyatakan sebab dalam notis bertulis tersebut) mengubah terma dan syarat yang mentadbir Kemudahan tersebut, termasuk mengubah jumlah Kemudahan.

41.4. Bank boleh mengikut budi bicaranya mengubah KASI Bank dan/atau Margin Keuntungan yang dikenakan di atas KASI Bank dengan cara berikut:

- (i) Berkenaan dengan KASI Bank — dengan memaparkan di premis-premis Bank notis am mengenai perubahan KASI Bank yang ditujukan kepada orang ramai secara amnya, dan paparan tersebut dianggap sebagai notis yang berkesan terhadap Pelanggan, atau dengan apa-apa kaedah lain yang dianggap sesuai dan wajar oleh Bank; dan
- (ii) Berkenaan dengan perubahan dalam Margin Keuntungan yang dikenakan di atas KASI Bank — dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar tersebut, dan notis tersebut dianggap telah diberikan secukupnya kepada Pelanggan jika diberikan melalui tangan atau melalui pos biasa ke tempat kediaman/perniagaan terakhir Pelanggan yang diketahui atau ke alamat Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.

Bank boleh pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya (dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan) mengubah asas pengiraan kadar yang ditetapkan (sama ada KASI atau mana-mana asas lain). Dalam mana-mana kes, tarikh kuat kuasa perubahan dalam KASI Bank dan/atau Margin Keuntungan yang dikenakan di atas KASI Bank, mestilah tarikh yang dinyatakan di dalam notis atau di dalam paparan di premis-premis Bank.

41.5. Apabila Terma dan Syarat Am ini diterjemahkan ke dalam mana-mana bahasa selain daripada Bahasa Inggeris, sekiranya terdapat sebarang percanggahan, perbezaan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi terjemahan tersebut, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.

42. AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)

42.1. BNM telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan hutang untuk individu. Untuk pertanyaan, sila hubungi 03- 2616 7766.

43. BANK NEGARA MALAYSIA LINK (BNMLINK) DAN PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)

43.1. Jika Pelanggan tidak berpuas hati dengan hasil siasatan atau aduan, Pelanggan boleh merayu terhadap keputusan tersebut dengan merujuk aduan tersebut kepada Bank Negara Malaysia atau Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS). Untuk pertanyaan, sila hubungi:
BNMLINK atau TELELINK: 1-300-88-5465
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan: +603-22722811

44. PEMBIAYAAN PEMULIHAN

44.1. Tanpa menjejaskan mana-mana hak dan remedi Bank apabila berlakunya Peristiwa Kemungkiran, Pelanggan secara tidak boleh ditarik balik dan tanpa syarat memberi kuasa kepada Bank untuk:

- (i) Mendebitkan baki yang ada daripada akaun overdraf, akaun semasa, akaun simpanan dan/atau akaun deposit tetap atau bertempoh Pelanggan untuk menyelesaikan sebarang tunggakan/amaun tertunggak sedia ada bagi Kemudahan lain, dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan.
- (ii) Tertakluk kepada Klausula 30 (*Tolak Selesai/ Penggabungan atau Penyatuan Akaun*) di atas, Bank boleh memulangkan cek lewat tarikh yang dikeluarkan daripada mana-mana akaun semasa Pelanggan dan Bank akan memotong baki kredit dalam akaun tersebut untuk menyelesaikan sebarang tunggakan sedia ada apabila tamat tempoh tujuh (7) hari kalendar notis bertulis kepada Pelanggan selepas itu Pelanggan hanya boleh mengeluarkan sebarang baki kredit dalam akaun tersebut setelah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Bank.
- (iii) Mendebitkan mana-mana akaun/baki kredit Pelanggan (terpakai kepada pakej fleksi penuh & separa fleksi) untuk menolak semua pembayaran Kemudahan yang tertunggak dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad kepada hak Bank untuk memulangkan cek yang dikeluarkan daripada akaun semasa dan/atau akaun overdraf Pelanggan.
- (iv) Menyerahkan polisi takaful bagi pihak Pelanggan untuk mendapatkan semula kerugian pembiayaan sekiranya berlaku Peristiwa Kemungkiran, dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari kalendar

terlebih dahulu kepada Pelanggan. Bank akan menuntut/menggunakan nilai serahan (nilai tunai) daripada syarikat insuran/takaful untuk menampung kerugian pembiayaan.

[Terma dan Syarat Am tamat]